



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4659]

USUL-USUL:

Laporan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat
(Kertas No. DR. 2/1981) [Ruangan 4691]

Anggaran Pembangunan, 1982 [Ruangan 4703]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 4702]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S. S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAD, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO’ DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam, DATO’ S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO’ MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- ” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Menteri Tak Berpotfolio DATO’ ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO’ MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO’ CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO’ K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N., (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO’ LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO’ HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan)
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan
Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD,
A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN
MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K.
(Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

- Yang Berhormat TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.
(Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.
(Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kaslom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 30hb Oktober, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MINYAK NEGARA—HASIL JUALAN

1. Tuan Haji Ampong bin Puyon bertanya kepada Perdana Menteri berapa banyak hasil jualan minyak negara tahun ini dan sebutkan keluaran hartanya dan sejauh manakah kejatuhan harga minyak mentah melibatkan ekonomi negara.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, hasil eksport minyak mentah negara dari bulan Januari hingga bulan Ogos, 1981 ini berjumlah lebih kurang \$4,000 million. Pengeluaran harian ialah sebanyak 250,000 tong sehari. Oleh kerana keadaan gelap dan kejatuhan harga minyak di pasaran dunia harga eksport minyak negara menjadi kurang dan ini mengurangkan pendapatan tukaran asing (foregin exchange earnings), sebanyak lebih kurang \$800 juta.

Walau bagaimanapun, perkembangan dalam pasaran antarabangsa ini tidak mungkin menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara yang sentiasa kukuh sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1982 baru-baru ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini sama ada National Oil Depletion Policy Kerajaan satu polisi yang tetap untuk menjimatkan minyak-minyak mentah yang kita ada di mana tidak akan dilebihi dan kalau begitu kenapa pihak

Kerajaan pada tahun ini mengarahkan pengeluaran-pengeluaran minyak mentah yang melebihi daripada panduan (guidelines) yang ditetapkan di bawah National Oil Depletion Policy dan kalau bukan oleh kerana berlaku keadaan kelebihan minyak di pasaran dunia yang mengakibatkan penurunan pengeluaran, National Oil Depletion Policy ini tidak diikuti.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan bahagian kedua itu sudah ditanya oleh Yang Berhormat sendiri dalam minggu ini dan sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tidak payah tanya lagi benda yang sudah dijawab. Hanya bahagian pertama mengenai sama ada mengikut polisi atau tidak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, National Oil Depletion Policy ini adalah rancangan sebuah Kerajaan yang terdiri daripada manusia biasa yang mana kadangkalanya keadaan berubah dan kita tidaklah boleh dipegang kepada satu-satu dasar sehingga tidak boleh bergerak sama sekali.

Sepertimana yang kita tahu harga bahan-bahan mentah yang lain telah turun beberapa bulan yang lepas dan untuk meningkatkan pendapatan kita, kita terpaksa memberi arahan supaya mengeluarkan lebih banyak minyak mentah, Walaupun demikian, harus kita ingat bahawa arahan ini tidaklah bermakna pengeluaran tiap-tiap hari akan melebihi pengeluaran yang pada satu ketika kita telah mengeluarkan. Dengan perkataan lain, pada satu ketika kita mengeluarkan 300,000 tong lebih dan kita telah kurangkan kepada 270,000 tong pada satu hari. Sekarang ini kita cuma mengeluarkan 240,000 ataupun 250,000 tong sahaja pada satu hari dan kalaupun kita menambah sebanyak 50,000 tong sehari tambahan angkanya cuma akan meningkat kepada 290,000 tong atau 320,000

tong sahaja yang mana angka ini adalah kurang daripada yang biasa dikeluarkan oleh kita.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semalam Menteri-menteri Minyak Negara-negara OPEC telah menyelaraskan harga minyak. Penyelarasan harga minyak telah dibuat oleh Menteri-menteri Minyak itu memberi kesan kepada harga minyak kita macam mana, Tuan Yang di-Pertua; adakah baik ataupun tidak baik?

Tuan Yang di-Pertua: Minyak nilai tinggikah atau minyak yang rendah, (low sulphur contentnya)?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Bermakna menyelaraskan ataupun merendahkan harga pasaran minyak itu.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi memudahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab, yang low sulphur contentnyakah atau yang tinggi sulphur contentnya?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Saya tidak tahu juga kerana masalah begini

Tuan Yang di-Pertua: Habis macam mana hendak bertanya kalau tidak tahu?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Yang saya tahu Menteri-menteri Minyak Negara-negara OPEC telah menyelaraskan harga minyak mereka. Dengan penyelarasan harga minyak mereka itu kesan kepada minyak kita macam mana, adakah untung atau rugi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya minyak keluaran Malaysia biasanya dijual dengan harga yang tinggi yang lebih tinggi daripada yang ditentukan oleh negara-negara OPEC, oleh kerana minyak kita dipanggil minyak manis (sweet crude). Oleh kerana itu kalau harga minyak negara-negara OPEC dinaikkan pada paras \$34.00 pada satu tong daripada \$32.00 yang dijual oleh Arab Saudi saya yakin bahawa harga minyak kita juga akan naik.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah di bawah National Depletion Policy untuk minyak satu

had atau satu ceiling pengeluaran baikpun untuk sehari atau satu tahun di mana Kerajaan tetap tidak benarkan pengeluaran melebihi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita telah menetapkan paras pengeluaran pada peringkat 270,000 tong pada satu hari sebagai satu target yang boleh menentukan reserve minyak kita akan kekal selama 20 tahun. Dalam pada itu kita tidaklah mengikat diri sehingga tidak langsung boleh naik lebih daripada itu tetapi kenaikan tentulah satu kenaikan yang menasabah, bukanlah secara membazirkan reserve minyak kita kerana kita ingin mendapat peruntukan yang lebih.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Sejauh manakah 'perkembangan' terhadap pembinaan sebuah kilang penapis di Melaka. Adakah benar kerja-kerja pembinaan kilang penapis ini dilambatkan kerana kejatuhan harga minyak dan juga kerana pengurangan keluaran minyak tempatan?

Tuan Yang di-Pertua: Kilang penapis ini luar daripada soalan asal.

Yang Berhormat Dr. Chen Man Hin.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Speaker, dengan izin, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

REZAB TUNAI PETRONAS

2. **Tuan Peter Paul Dason** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan rezab tunai Petronas, amaun wang yang dilaburkan di luar negeri dan sama ada pelaburan luar negeri Petronas akan dipanggil balik memandangkan terdapat "credit squeeze" di negara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, rezab tunai PETRONAS pada tahun kewangan yang berakhir pada 13hb Mac, 1981 berjumlah \$70,000 juta. Dari jumlah ini hanya sebahagian kecil sahaja yang telah dilaburkan di luar negeri dalam beberapa matawang asing bagi memenuhi keperluan

kewangan PETRONAS untuk projek-projek pembangunannya. Kebanyakan dari jumlah rezab tunai ini telah dilaburkan di dalam negeri. Dari jumlah yang dilaburkan di dalam negeri lebihkurang 1/3 adalah disimpan dalam Bank Negara dan bakinya disimpan dalam bank-bank perdagangan. Sebenarnya tidak terdapat credit squeeze ke atas sistem kewangan di negara ini khususnya ke atas sistem bank. Apa yang berlaku ialah kerana pertambahan permintaan untuk pinjaman yang melebihi simpanan yang dibuat kepada badan-badan kewangan. Semua pendapatan PETRONAS dari eksport minyak adalah dibawa balik ke Malaysia sebagaimana yang telah dilakukan semenjak pertengahan tahun 1978 lagi.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai wang simpanan di luar negeri ini adakah Perdana Menteri sedari untuk PETRONAS dua tahun dahulu kita ada rugi foreign exchange banyak, tetapi mengikut akaun yang baru sahaja, adakah PETRONAS untung balik foreign exchange atau rugi lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin soalan seperti ini berkehendakan notis melainkan Yang Amat Berhormat sudah ada jawapannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melaburkan wang dengan secara menyimpan di badan-badan kewangan luar negeri ataupun dalam negeri sudah tentu ada kemungkinan kadang-kadang kita rugi, kadang-kadang kita untung. Pada beberapa tahun yang lepas oleh kerana kemerosotan nilai mata wang ringgit Amerika (American dollars), kita telah mengalami sedikit "paper loss" iaitu cuma dalam kira-kira sahaja kita mengalami kerugian. Hari ini wang yang sama juga telah meningkat naik kerana mata wang Amerika telah meningkat harganya berbanding dengan mata wang Malaysia. Dalam pada itu juga faedah simpanan di bank-bank di luar negeri terutamanya di Amerika sudah meningkat kepada 20% sedangkan faedah yang dibayar di dalam negeri tidak melebihi 9% atau 10%.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini peratus rezab tunai PETRONAS yang ada dilabur di dalam dan di luar negeri dan adakah menjadi dasar Kerajaan bahawa seboleh-bolehnya rezab tunai PETRONAS digunakan untuk pembangunan dalam negeri supaya net negara kita boleh turun dalam pinjaman daripada luar negeri supaya National Debt kita tidak kian bertambah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjelaskan beberapa banyakkah yang disimpan di luar negeri kerana ini adalah suatu urusan perniagaan yang mana pendedahannya akan membawa akibat yang buruk kepada perusahaan PETRONAS. Adalah tidak tepat berkata bahawa menyimpan ataupun membawa balik PETRONAS ini ke dalam negeri akan menolong kedudukan ekonomi ataupun bekalan wang di dalam negara kita kerana kita menentukan banyak mana daripada perolehan PETRONAS ini harus disimpan di luar negeri dan sebanyak mana yang harus disimpan di dalam negeri supaya tiap-tiap satu kerugian di satu tempat akan diimbangi dengan keuntungan di tempat yang lain.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, since the Government allows PETRONAS to invest the money outside the country, I would like to ask the Prime Minister the reasons for allowing PETRONAS to invest this money outside the country and how far it affects the economy of Malaysia, since Malaysia also welcomes foreign investments, and whether the Government has any intention to call back the money to be invested in Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian pertama soalan itu sebab dilaburkan di luar negeri sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kerana projek-projek PETRONAS dan lain-lainnya. Saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bila Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab, tolonglah dengar betul-betul jawapannya dan jangan ditanya lagi dengan soalan tambahan kepada jawapan yang sudah diberi supaya tidak terbuang masa, banyak pertanyaan-pertanyaan dengan

sebab tidak concentrate, tidak mendengar betul-betul; jadi timbullah satu pertanyaan tambahan lagi. Ini menghabiskan waktu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang kedua daripada soalan itu tidak jelas.

Tuan Fung Ket Wing: When the Government allows PETRONAS to invest its money outside the country, then definitely it affects the economy of Malaysia because Malaysia also invites foreign investment in Malaysia. If that is the case, what is the stand of the Malaysian Government, whether the Malaysian Government will call back the money invested by PETRONAS outside the country.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan bukan semua daripada perolehan PETRONAS itu dilaburkan di luar negeri, kita menentukan supaya pelaburan di luar negeri akan dapat balance atau menentukan supaya kerugian di luar negeri akan diimbangkan oleh keuntungan di dalam negeri dan sebaliknya. Soal investment daripada luar negeri yang kita jemput ke Malaysia ini tidak ada kaitan dengan soal PETRONAS membawa balik wang atau tidak kerana investment daripada luar negeri berasaskan kepada pembawaan masuk capital daripada luar negeri, cuma sebahagian kecil sahaja pinjaman dibuat di dalam negeri.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI— LANGKAH ATASI KERUGIAN

3. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan beberapa banyakkah syarikat-syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri dan syarikat-syarikat di bawah agensi-agensi Kementerian beliau seperti MARA, UDA dan lain-lain yang sedang mengalami kerugian dan apakah langkah-langkah yang diambil terhadap syarikat-syarikat ini pada masa ini dan masa-masa yang akan datang.

Setiausaha Perlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh agensi-agensi yang terletak di bawah

pengawasan Kementerian ini adalah sebanyak 543 syarikat. 204 dari syarikat tersebut adalah berjalan dengan aktif dan membuat keuntungan. Sementara itu terdapat sebanyak 203 buah syarikat adalah menghadapi kerugian terkumpul. Bagaimanapun, perlu bagi saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini tentang kedudukan sebenarnya syarikat-syarikat yang dikatakan "Rugi" itu. Syarikat-syarikat tersebut kebanyakannya telah dapat membuat keuntungan operasi seperti yang ditunjukkan dalam penyata kira-kira, tetapi oleh kerana kerugian-kerugian terkumpul yang dialami penyata kira-kira, tetapi oleh kerana kerugian-kerugian terkumpul yang dialami sebelumnya menyebabkan kedudukan syarikat-syarikat berkenaan masih dalam kerugian sehingga semuanya kerugian-kerugian terkumpul itu dihapuskan. Kementerian ini sedang mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengikuti perkembangan syarikat-syarikat tersebut. Sungguhpun demikian, perlulah disebutkan bahawa kedudukan syarikat-syarikat tersebut tidaklah membimbangkan. Oleh kerana terdapat di antara syarikat-syarikat tersebut telah pun menunjukkan prestasi yang baik yang telah pun berjaya membuat keuntungan operasi.

Sukalah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa MARA telah tidak lagi di bawah pengawasan Kementerian ini. Bagaimanapun, setakat 16hb Ogos 1981 terdapat 26 anak-anak syarikat, yang mana 12 daripadanya adalah sedang mengalami kerugian.

Langkah-langkah telah, sedang akan diambil oleh Kementerian saya mengenai syarikat-syarikat yang sedang mengalami kerugian bagi memastikan masa hadapannya, iaitu sama ada menutup operasinya atau meneruskan operasinya dengan pendekatan-pendekatan yang sesuai dan wajar. Langkah-langkah ini adalah merupakan tindakan-tindakan yang berterusan dan wajar yang perlu dibuat.

PENAGIH DADAH DI LUAR BANDAR —TINDAKAN KERAJAAN

4. **Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri

menyatakan, bahawa penagih-penagih dadah telah menjalar ke luar-luar bandar dan kampung-kampung, jika sedar apakah tindakan Kerajaan yang lebih berkesan bagi mencegahnya.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penganalisaan yang dijalankan masalah dadah telah mula menjalar ke negeri-negeri membangun di Malaysia seperti Kelantan, Pahang dan Kedah. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengawal keadaan dengan meningkat lagi usaha-usaha penguatkuasaan di kawasan-kawasan tersebut.

Berhubung dengan penglibatan dadah di luar bandar dan kampung-kampung hal ini berlaku memandangkan bahawa penagih-penagih yang bermastautin di bandar-bandar kadangkala pulang ke kampung halaman. Rancangan pendidikan mencegah masalah dadah yang berkesan sedang dirangka dan diatur dan adalah menjadi harapan bahawa rancangan-rancangan tersebut akan memainkan peranan penting untuk mencegah para belia di negara ini dari terpengaruh oleh penggunaan dadah. Selaras dengan rancangan-rancangan penguatkuasaan, rawatan/pemulihan dan Pendidikan, maka diharap masalah dadah akan terkawal setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kamaluddin bin Maamor.

Tuan Abdul Rahman bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

MEWUJUDKAN SEMANGAT KEKUMPULAN

5. **Tuan Abdul Rahman bin Daud** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah khusus yang diambil untuk meningkatkan mutu pengurusan kakitangan bagi mewujudkan semangat kekumpulan yang lebih baik, daya penghasilan yang tinggi dan hubungan harmoni antara berbagai jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian dan badan-badan berkanun.

Menteri Tak Berfotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri berkenaan di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan mutu pengurusan kakitangan, mewujudkan semangat kumpulan yang lebih baik, meningkatkan penghasilan dan meninggikan hubungan harmoni antara berbagai-bagai Jabatan, Kementerian dan badan-badan berkanun adalah banyak. Antaranya ialah untuk mempercepatkan lagi sistem pengambilan pegawai-pegawai dan memperhebatkan kursus-kursus latihan yang diberikan kepada mereka. Kerajaan juga sudah mewujudkan sistem pengkhususan dalam pentadbiran awam supaya pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan akan dapat menambah kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Latihan-latihan yang diberikan baik di dalam mahupun di luar negeri bukan sahaja meliputi perkara-perkara pengurusan tetapi juga soal menjaga perhubungan antara manusia dan menjalankan kerja mengikut sistem berpandu di mana semua agensi Kerajaan akan memberi sumbangan sebaik-baiknya dan menyelaraskan kerja masing-masing untuk mencapai hasil yang optima.

Disamping itu Kerajaan juga sedang mengkaji sistem kemajuan kerjaya dan naik pangkat pegawai-pegawai supaya mereka yang betul-betul dinamis, mempunyai dorongan kerja yang kuat, menunjukkan dedikasi yang tinggi, dan kecekapan yang luar biasa boleh dimajukan dan dinaikkan pangkat dengan lebih segera. Ini bererti bahawa pegawai-pegawai yang menjadi penumpang atau kayu mati akan dengan sendirinya menjadi tersingkir supaya tidak menghalang proses memaju serta memodenkan perkhidmatan awam di negara ini. Kerajaan juga sedang berusaha untuk memperkemas dan melicinkan sistem pentadbiran Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan juga Kerajaan Tempatan supaya hasil serta mutu pekerjaan masing-masing akan dapat ditingkatkan lagi sesuai dengan usaha untuk memesatkan pembangunan negara ini.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Kerajaan kita sedang memberi latihan yang begitu banyak kepada pegawai-pegawai supaya prestasi pekerjaan mereka lebih baik. Adakah mata pelajaran seperti bercorak agama juga diberi semasa mengadakan kursus pegawai-pegawai tersebut kerana tanggungjawab mereka kalau cuai maknanya mereka berdosa tidak menjalankan tugas, adakah itu dimasukkan sama.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, ada juga unsur-unsur agama dimasukkan dalam kursus-kursus seumpama itu kepada orang-orang Islam.

AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980

6. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan apakah elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan lain selain daripada gaji dan elaun yang termaktub dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 bagi:

- (a) Perdana Menteri;
- (b) Timbalan Perdana Menteri;
- (c) Menteri-menteri;
- (d) Timbalan-timbalan Menteri; dan
- (e) Setiausaha-setiausaha Parlimen.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada gaji dan elaun yang termaktub dalam Akta Parlimen, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri diperuntukkan dengan elaun-elaun dan kemudahan lain seperti elaun keraian, pemberian perlantikan, pembekalan rumah kediaman rasmi termasuk bekalan air dan elektrik percuma, elaun tahunan perabot dan perhiasan rumah, pembekalan kakitangan isi rumah, pembekalan kereta rasmi berserta dengan pemandu, elaun pakaian rasmi istiadat, kemudahan meraikan pelawat, kemudahan cuti seberang laut dan cuti rihat, bayaran tips semasa bertugas rasmi di luar negeri, perbelanjaan perjalanan rasmi bagi isteri atau suami dan pembekalan pinggan mangkuk.

Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen juga diperuntukkan dengan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan tersebut melainkan pembekalan pinggan mangkuk tiada diberi kepada Timbalan-timbalan Menteri. Sementara Setiausaha-setiausaha Parlimen tidak diperuntukkan pemberian perlantikan, pembekalan kakitangan isi rumah, kemudahan cuti di seberang laut, perbelanjaan perjalanan rasmi bagi isteri atau suami dan pembekalan pinggan mangkuk.

Perlulah dinyatakan di sini bahawa jenis-jenis elaun dan kemudahan yang diperuntukkan kepada anggota-anggota pentadbiran adalah selaras dengan tanggungjawab dan tugas mereka. Dan jenis-jenis elaun dan kemudahan ini pada prinsipnya tidaklah begitu berbeza dengan jenis-jenis elaun dan kemudahan yang diperuntukkan kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut jenis-jenis elaun dan pemberian yang diberi kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen, tetapi malangnya Tuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menyatakan apakah angka elaun keraian dan pemberian perlantikan tersebut, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua sendiri pun ada dicatatkan elaun keraian tetapi sehingga hari ini rakyat dan Ahli-ahli Dewan Rakyat tidak mengetahui apakah angka elaun keraian Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan apakah pemberian perlantikan itu, apakah angkanya?

Tuan Yang di-Pertua: Ini Kesalahan Yang Berhormat sendiri kerana tidak bertanya. Apa yang ditanya di sini: minta Perdana Menteri menyatakan apakah elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan. Apakah tak termasuk angka. Apa jenisnya. Dan begitu juga tentang elaun Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri dan

Setiausaha-setiausaha Parlimen. Ini tak sebut tentang soal angka. Jadi jawapannya mengikut kepada soalan. Ada Yang Amat Berhormat hendak menambah?

Perdana Menteri: Tidak.

Tuan Lim Cho Hock: Apabila Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen melawat negeri lain atau melawat satu syarikat tempatan kalau mereka dapat hadiah dari tokoh-tokoh negara lain atau syarikat-syarikat tempatan, bolehkah mereka simpan hadiah itu untuk kegunaan sendiri?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu luar daripada soalan asal—soalan asal bertanya elaun dan kemudahan.

Tuan P. Pato: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu elaun keraian dan pemberian perlantikan itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beritahu elaun keraian dan pemberian perlantikan itu, tetapi kalau hendak tahu banyak mana, dia kena buat soalan lain.

ORANG CACAT

7. **Datuk Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang-orang yang cacat dalam tahun 1979, 1980 dan sehingga bulan September, 1981;
- (b) jenis kemudahan latihan yang diberikan kepada orang-orang cacat anggota ini;
- (c) bilangan orang-orang cacat yang ambil berkerja;
- (d) sama ada beliau akan menimbang mengenankan keperluan berkanun iaitu pertubuhan-pertubuhan yang lebih besar dari saiz biasa mesti menerima pekerja-pekerja cacat.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah orang-orang cacat yang berdaftar dengan Kementerian Kebajikan Am adalah seperti berikut:
18,186 orang sehingga tahun 1979,

19,203 orang sehingga tahun 1980,
20,867 orang sehingga bulan
September, 1981.

- (b) Jenis kemudahan latihan yang sedia ada termasuk latihan Vokasional di dalam bidang pertukangan kayu; pertukangan logam; pertukangan alat-alat tiruan; motor mekanik; membaiki radio/televisyen dan jahitan.
- (c) Bilangan orang-orang cacat yang diambil bekerja tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana setakat ini tidak ada statistik yang meliputi semua pekerja-pekerja cacat di negara ini. Walaupun demikian, bilangan pekerja-pekerja cacat yang menerima Elaun Pekerja, iaitu satu skim bantuan bagi pekerja-pekerja cacat di bawah kelolaan Kementerian Kebajikan Am ialah:
783 orang pada tahun 1979.
1,144 orang pada tahun 1980.
1,616 orang pada tahun 1981.

- (d) Sama ada perlu atau tidak diadakan peruntukan undang-undang mengenai pengambilan orang-orang cacat untuk bekerja dalam organisasi-organisasi yang besar, adalah bergantung kepada penelitian yang melibatkan beberapa agensi. Walau bagaimanapun, sempena Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat, 1981, satu Jawatankuasa telah pun dilantik untuk mengkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Umar bin Haji Ismail.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Umar bin Haji Ismail tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

Tuan Haji Ampong bin Puyon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

CUKAI BAJA

9. **Tuan Haji Apong bin Puyon** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan kenaikan harga baja, kenaikan gaji pekerja dan perbelanjaan pembangunan, sementara harga hasil pertanian seperti koko, kelapa, kelapa sawit dan lain-lain jatuh menurun sebab itu telah menyulitkan para pekebun kecil terutamanya di Sabah sehingga ada yang di antaranya mendapati sukar bagi mereka untuk menampung perbelanjaan kebun. Jika ya, adakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk menurunkan cukai baja dan mengstabilkan harga hasil pertanian di negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dengan menghapuskan duti import dan cukai tokok ke atas baja-baja yang diimport dari luar negeri. Langkah-langkah tersebut baru sahaja diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini pada 23hb Oktober yang lalu. Oleh itu baja yang dikenakan duti import sekarang ini hanya terdiri daripada jenis-jenis yang dikeluarkan di negara ini di mana duti tersebut bertujuan membantu perkembangan perusahaan pengeluaran baja tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat cukai jualan tidak dikenakan ke atas baja.

Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, harga hasil pertanian di negara kita ini adalah bergantung kepada permintaan daripada luar negeri terutamanya negara-negara maju. Oleh itu amatlah sukar bagi Kerajaan untuk mengambil langkah untuk mengstabilkan harga hasil pertanian tersebut di negara kita. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil langkah sewajarnya untuk mengurangkan bebanan yang ditanggung terutamanya oleh mereka yang berpendapatan rendah akibat daripada terdapatnya harga hasil pertanian yang rendah.

IBU PEJABAT IMIGERESEN YANG BARU—PEMBINAAN

10. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) apakah sebab kelewatan membina

Ibu pejabat Imigeresen Kuala Lumpur yang baru meskipun batu asas bangunan telah diletakkan beberapa bulan lalu; dan

(b) apakah langkah yang telah diambil untuk membaiki dan meningkatkan lagi perkhidmatan jabatan berkenaan, dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan kepada rakyat.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah selesai urusan perpindahan pihak penjara ke Kompleks Penjara di Kajang, kerja-kerja tanah dan cerucuk bagi pemindahan Ibu pejabat Imigeresen yang baru dimulakan dalam bulan November 1981 ini.

Dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik Jabatan Imigeresen telah dipindahkan daripada Jalan Tugu ke Bangunan Ibukota di Jalan Pantai Baharu. Di bangunan baru ini lebih banyak kaunter-kaunter dibuka bagi memudahkan orang ramai membuat urusan masing-masing. Di samping itu, latihan-latihan dalam perkhidmatan untuk pegawai-pegawai Imigeresen diadakan dari semasa ke semasa bagi mencekapkan lagi mereka di dalam menjalankan tugas masing-masing.

LESEN TEKSI DAN LORI— PERMOHONAN

11. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bahawa dalam tempoh 1978, 1980 dan 1981 ini, berapakah permohonan lesen teksi dan lori telah diterima (nyatakan angka setiap tahun), berapakah telah berjaya diluluskan permohonannya dan nyatakan komposisi kaumnya, apakah kriteria dan langkah telah diambil untuk memastikan bahawa setiap lesen dikeluarkan adalah hanya untuk pemandu sahaja, dan apakah tindakan telah diambil terhadap lesen yang diAli-babakan.

Setiausaha Perlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dipindahkan

ke Kementerian ini pada pertengahan tahun 1978 dan perangkaan untuk tahun tersebut tidak begitu lengkap. Oleh yang demikian saya cuma dapat memberi perangkaan untuk tahun-tahun 1979-1980 dan 1981 sehingga Jun sahaja.

Pecahannya adalah seperti berikut:

JUMLAH PERMOHONAN			
	1979	1980	1981 (sehingga bulan Jun)
Teksi	5,815	9,184	1,846
.. ..	6,230	3,504	2,069
Lori C	8,126	4,753	2,077

JUMLAH YANG DILULUSKAN

	1979	1980	1981 (sehingga bulan Jun)
Teksi	959	3,729	1,802
Lori A		1,814	582
Lori C		2,429	1,041

KELULUSAN PERMOHONAN MENGIKUT KOMPOSISI KAUM

Tuan Yang di-Pertua, pecahan ini adalah terbahagi kepada tiga bahagian:

- (i) Bumiputera.
- (ii) Bukan Bumiputera.
- (iii) lain-lain.

Ini bermakna bilangan lesen-lesen yang dipunyai oleh Syarikat-syarikat Sendirian Berhad dan Badan-badan Berkanun seperti FELDA, FAMA, RISDA, Lembaga Pelabuhan Johor dan lain-lain sepertinya:

TEKSI			
	1979	1980	1981 (sehingga bulan Jun)
Bumiputera ..	827	2,870	901
Bukan Bumiputera ..	129	850	896
lain-lain ..	3	0	5
JUMLAH ..	959	3,729	1,802

LORI A

	1979	1980	1981 (sehingga bulan Jun)
Bumiputera ..	1,180	1,671	438
Bukan Bumiputera ..	374	28	25
Lain-lain ..	243	115	119
JUMLAH ..	1,797	1,814	582

LORI C

	1979	1980	1981 (sehingga bulan Jun)
Bumiputera ..	996	446	136
Bukan Bumiputera ..	5,177	1,108	315
Lain-lain ..	943	875	590
JUMLAH ..	7,116	2,429	1,041

Polisi pemilik pemandu sendiri teksi hanyalah dikenakan kepada pemegang-pemegang lesen teksi sahaja. Untuk memastikan bahawa lesen-lesen teksi diluluskan hanya kepada pemandu-pemandu teksi sahaja, Lembaga Pelesenan hanya menimbangkan permohonan-pemohonan yang diterima daripada pemohon-pemohon yang mempunyai lesen TSD bagi teksi yang sah sahaja. Pemohon-pemohon tersebut adalah juga ditemuduga sebagai satu langkah pemastian lanjut. Untuk pelesen-pelesen yang mengalibabakan lesen-lesen mereka, tindakan sewajarnya diambil berdasarkan laporan Jabatan Pengangkutan Jalan. Sungguhpun demikian adalah menjadi masalah besar kepada LPPJ bagi mendapat bukti yang sah untuk menentukan sama ada seseorang itu mengalibabakan lesen-lesen mereka atau tidak.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa masalah sebilangan besar pemandu teksi yang berpengalaman umpamanya yang melebihi 12 tahun, ada yang melebihi 18 tahun telah bertahun-tahun merayu dan memohon tetapi permohonan mereka tidak

sekalipun berjaya, umpamanya di Kota Melaka kes-kes seperti ini lebih kurang 30 yang saya terima adalah melebihi 10 tahun tetapi masih tidak dapat dipertimbangkan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan memberikan satu pertimbangan yang khas atas kes-kes ini dan juga berapa kes selama ini didapati pemegang lesen yang dialibabkan telah ditarik balik?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, masalah pengeluaran permit-permit teksi bergantung bukan sahaja kepada berapa lama seorang pemohon itu pernah memandu dan mempunyai lesen TSD tetapi juga kepada faktor-faktor yang lain misalnya keperluan satu-satu tempat. Tidak menjadi hairan kalau dikatakan bahawa terdapat ramai pemandu-pemandu teksi atau pemohon-pemohon teksi yang telah mempunyai pengalaman sekian-sekian tahun tetapi belum berjaya mendapat permit-permit teksi. Ini kerana mungkin pada kawasan itu terutama sekali di Kuala Lumpur keperluan teksi tidak boleh dibandingkan dengan keperluan teksi umpamanya di Kota Melaka.

Pada bahagian yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mempunyai kes-kes yang tertentu silalah rujuk kepada Kementerian saya dan insya Allah kita akan rundingkan.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan jumlah banyak lesen teksi dan lori yang telah dikeluarkan. Memandangkan masih banyak lagi permohonan untuk mendapatkan lesen teksi dan lori ini, adakah Kementerian ini bersedia untuk menimbang-kan rayuan-rayuan mereka bagi tahun ini?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini permohonan teksi masih lagi dibuka tetapi permohonan bagi kereta-kereta yang lain termasuk lori belum lagi dibuka kerana masih banyak backlog ataupun permohonan-permohonan yang lama yang perlu diselesaikan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa salah satu daripada faktornya untuk memberi pertimbangan yang wajar ialah mengikut kawasan. Jadi saya ingin bertanya sejauh manakah Kementerian dapat menentukan bahawa teksi-teksi yang diberi bagi satu-satu kawasan tertentu, teksi itu dapat bergerak dalam kawasan itu dan bukan selepas mendapat lesen itu bergerak di bandar-bandar yang lain?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan masalah lama, jadi pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan ataupun pihak Jabatan Pengangkutan Jalanraya tidak mungkin dapat mengesan setiap teksi yang berjalan di negara ini misalnya telah dikeluarkan permit bagi Teluk Anson tetapi telah dijalankan operasinya di Ipoh kecuali dapat maklumat-maklumat daripada orang ramai. Jadi sekiranya ada sebarang maklumat mengenai perkara ini dan kiranya didapati operasi teksi tersebut adalah bertentangan dengan syarat-syarat permit itu dikeluarkan, insya Allah akan diambil tindakan.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini akan membuat kajian tentang wujudnya dengan begitu banyak teksi-teksi sapu sama ada mereka itu tidak hendak memohon lesen ataupun mereka sudah memohon lesen tetapi tidak dapat sebab itu mereka menjalankan teksi sapu?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, agaknya masalah teksi sapu ini terkeluar sedikit jadi tidak adillah kalau saya hendak menjawab kecuali mendapat notis daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan.

PEMAJU PERUMAHAN GAGAL MEMATUHI PELAN

12. Tuan Ting Chek Ming: minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau terhadap pemaju-pemaju perumahan yang gagal mematuhi projek-projek perumahan yang telah diluluskan itu, adakah Kementerian beliau akan menjaga/mengawasi padang, jalan dan parit/longkang di kawasan-kawasan perumahan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kepada pemaju-pemaju perumahan yang gagal dan tidak mematuhi pelan-pelan bangunan yang telah diluluskan, pembeli-pembeli adalah berhak menuntut pemaju-pemaju memperbaiki keadaan yang tersebut seperti yang telah ditetapkan di bawah kaedah 12 (1) (i) Kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1970. Segala perbelanjaan untuk memperbaiki dan membetulkan keadaan yang tersebut adalah ditanggung oleh pemaju itu sendiri. Kementerian saya tidak bertanggungjawab untuk menjaga dan mengawasi padang, jalan, parit dan longkang di kawasan perumahan-perumahan yang tersebut yang telah dibina. Pada lazimnya apabila satu-satu kawasan perumahan telah diserahkan dengan sempurna kepada Penguasa-penguasa Tempatan, segala pengawasan dan penjagaan mengenai perkara yang tersebut adalah terserah kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Lim Cho Hock: Kadang-kadang Majlis Tempatan ada mengeluarkan Certificate of Fitness untuk setiap rumah yang dibina tetapi ada di tempat-tempat perumahan certificate itu telah dikeluarkan tetapi belum ada air atau api. Bagaimanakah Certificate of Fitness itu boleh dikeluarkan dan bolehkah Kementerian yang berkenaan mengarahkan Majlis Tempatan janganlah mengeluarkan Certificate of Fitness kalau tidak ada bekalan api dan air disediakan?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi peraturan sebelum Certificate of Fitness ini dikeluarkan segala conditions tersebut hendaklah dipenuhi. Tetapi dalam pada itu mungkin setengah-setengah tempat ada berlaku perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya harap Ahli Yang Berhormat dapatlah memberi maklumat supaya Kementerian saya dapat menghubungi mana-mana pihak yang tersebut supaya perkara ini diambil perhatian.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu dari Kementerian yang berkenaan mengenai rumah sudah siap tetapi

“CFO” atau Certificate of Fitness belum dikeluarkan?

Tuan Yang di-Pertua: CFO atau COF?

Tuan Lee Kaw: Certificate of Fitness—COF (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti tersilap ingat UFO—susah! (*Ketawa*).

Tuan Lee Kaw: COF belum dikeluarkan tetapi oleh kerana pemaju dan pembeli sudah menandatangani satu perjanjian dan pemaju rumah ini paksa pembeli-pembeli terima rumah ini tetapi tidak ada COF.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan maklumat mengenai perkara ini kepada Kementerian ini supaya Kementerian dapat mengambil tindakan.

Datuk Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah kuasa di bawah Kementerian yang berkenaan atas memberi arahan kepada pemaju-pemaju supaya proses membina rumah-rumah dalam kawasan perumahan itu tidak berlaku kesusahan dan kesulitan kepada kawasan sekeliling kawasan perumahan itu seperti di Batu Pahat di mana ada satu pemaju dalam proses membina rumah itu sudah menyumbatkan semua parit-parit di kawasan itu dan kawasan yang sebelah itu selalu menghadapi masalah banjir. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah soalan tambahan itu.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam lesen yang dikeluarkan kepada pemaju perumahan dikenakan syarat-syarat yang tertentu yang mesti dipatuhi oleh pihak pemaju dan di samping itu Pihak Berkuasa Tempatan adalah mempunyai kuasa untuk mengawasi setiap pembinaan perumahan-perumahan yang dijalankan di kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan supaya dalam masa pembinaan itu dijalankan tidak

akan menyusahkan penduduk-penduduk di sekelilingnya dan dalam hal ini kerjasama Ahli Yang Berhormat adalah sangat diharapkan supaya maklumat itu diterima oleh Kementerian saya dan tindakan akan dijalankan mengikut syarat-syarat yang ditentukan dalam lesen pemaju perumahan di setiap kawasan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Apakah tindakan akan diambil untuk menutup loophole yang ada dalam Akta 133 iaitu Akta Bangunan, Parit dan Jalan di mana pembeli-pembeli rumah tidak seharusnya dijadikan mangsa bila mereka membeli rumah, sijil kesempurnaan sudah dikeluarkan tetapi syarat-syarat yang berkenaan tidak dipatuhi. Umpamanya kebanyakan estet-estet perumahan, jalan-jalan itu tidak diupgrade mengikut standard JKR. Bila sijil kesempurnaan dikeluarkan, JKR enggan menerima standard jalan ini tetapi sudah diluluskan oleh Majlis Tempatan. Maka ini sudah menjadikan sebiji bola ditendang sana sini akhirnya orang ramai menjadi mangsa dan berbagai masalah telah berlaku umpamanya sistem parit, jalan dan longkang semuanya berlaku kerana sijil kesempurnaan telah dikeluarkan tetapi oleh kerana adanya pencanggahan dan tidak ada penyalarsan di antara pihak-pihak berkuasa.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi sekiranya Yang Berhormat ada mendapat satu-satu pemaju perumahan yang tertentu, bolehlah beritahu Kementerian saya supaya tindakan akan diambil.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kementerian Perumahan sebenarnya nampaknya tiada berkuasa atau tidak diberi kuasa untuk campur tangan dalam hak bila Kerajaan Tempatan umpamanya di M.P.M.T. Melaka, bila sijil kesempurnaan dikeluarkan, tetapi bila kita membuat beberapa aduan kepada Kementerian Perumahan nampaknya tiada apa-apa tindakan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menyatakan ia sudah menjawab, jadi rujukkan kepada Kementerian itu.

HOSPITAL PERSENDIRIAN

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan hospital persendirian dalam negara ini dan bilangan pakar-pakar perubatan asing yang bertugas dengan hospital-hospital ini, dan bilangan pakar-pakar perubatan asing yang pernah berkhidmat dengan Kerajaan kita kemudian berhenti untuk berkhidmat dengan hospital-hospital persendirian.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Patmanaban): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb September, 1981 Kementerian telah mendaftar dan mengeluarkan lesen untuk 50 buah hospital persendirian di bawah Akta Hospital Persendirian 1981.

Pada masa ini hanya terdapat seorang sahaja Pakar Perubatan asing yang sedang berkhidmat dengan hospital persendirian, iaitu di Hospital Mount Mariam, Pulau Pinang.

Setakat ini tidak ada Pakar-pakar Perubatan asing yang berhenti dari Perkhidmatan Kerajaan untuk bekerja dengan Hospital-hospital persendirian.

DUTI HARTA PUSAKA

14. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah seseorang yang telah meninggal dimestikan membayar Cukai Kematian setelah mengetahui bahawa beliau telah meninggal dan telah membayar cukai yang mencukupi kepada Kerajaan sewaktu hayatnya sebagai seorang pembayar cukai; dan
- (b) sama ada undang-undang telah berlaku adil berkaitan dengan Akta Keselamatan

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Duti harta pesaka ialah cukai ke atas nilai harta yang berpindah setelah kematian seseorang. Asas ia dikenakan adalah:
 - (i) untuk menambahkan hasil.
 - (ii) menjayakan aspek sosial mengenai pengagehan semua harta-kekayaan.

Pertambahan hasil dicapai dengan mengenakan cara kadar cukai yang meningkat ke atas kekayaan sekali dalam suatu keturunan. Polisi sosial itu bertujuan untuk mencegah pengumpulan harta kekayaan dan pertumbuhan yang diperolehi melalui keluarga turun-temurun dan menggalakkan pengagehan harta kekayaan melalui peluang-peluang yang saksama yang diberi kepada semua.

- (b) memandangkan kepada keterangan tersebut di atas pengenaan Duti Harta Pesaka ke atas harta-harta si mati tidak bercanggah dengan sifat peri kemanusiaan.

TARAF PENDUDUK TETAP KEPADA WANITA ASING

15. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai wanita asing yang menjadi isteri kepada warganegara-warganegara Malaysia menghadapi kesukaran untuk mendapatkan permit masuk serta menetap di Malaysia dan pas lawatan yang diberikan kepada mereka itu adalah berdasarkan dari sebulan ke sebulan; sama ada Kerajaan akan menimbangkan perkara ini dengan simpati dan atas sebab-sebab peri kemanusiaan membenarkan mereka masuk dan menetap di sini serta memberi jaminan bahawa mereka yang telah mempunyai pas lawatan tidak akan diminta meninggalkan negeri ini sepertimana yang berlaku sekarang di mana pas lawatan mereka yang sarat mengandungi ataupun sudahpun mempunyai anak tidak boleh dibaharui.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang sama maksud telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor pada 21-10-81. Saya tiada apa-apa tambahan untuk dibuat.

PELABURAN SAHAM BUMIPUTERA

16. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan secara terperinci pertambahan pelaburan saham Bumiputera tiap-tiap bulan di tiap-tiap negeri setakat ini, dan sama ada Kerajaan akan menimbangkan

untuk melonggarkan had umur membeli saham daripada 21 ke 18 supaya mereka yang mempunyai anak antara umur tersebut boleh membeli saham-saham tersebut sebagai pelaburan jangka panjang di mana ibu bapa yang mampu boleh menambahkan sumbangan terhadap pelaburan anak-anak mereka. Jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, 1965 bertambah dari masa ke semasa dan semenjak 1971 lebih kurang 60,000 buah syarikat baru telah didaftarkan. Tiap-tiap syarikat itu dikehendaki mempunyai tidak kurang daripada 2 orang pemegang saham. Terdapat juga syarikat-syarikat yang mempunyai beribu-ribu ahli atau pemegang saham dan kadangkala nama-nama mereka bertukar di dalam Daftar Ahli-ahli, kerana saham-saham syarikat boleh dipindah milik pada bila-bila masa sahaja. Pertukaran-pertukaran milik saham yang terlalu banyak ini menjadikan perangkaan mengenai jumlah saham yang dimiliki oleh mana-mana kaum di negeri ini sukar diperolehi.

Akta Syarikat, 1965 tidak membuat apa-apa peruntukan untuk menghadkan umur seseorang itu daripada membeli saham-saham. Lazimnya seseorang yang belum dewasa tidak menjadi ahli kepada mana-mana syarikat kerana pemindahan saham-saham itu dikehendaki ditandatangani di atas surat perjanjian jual/beli (sale/purchase contract). Mengikut undang-undang, perjanjian yang dibuat oleh orang-orang yang belum cukup umur tidak boleh dikuatkuasakan sehingga ianya dewasa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, umur dewasa, mengikut Akta Umur Dewasa, 1971 (Age of Majority Act, 1971) ialah lapan belas tahun dan umur dewasa ini tidak termasuk umur-umur yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang lain yang menetapkan umur dewasa bagi maksud undang-undang itu.

HARGA PASARAN LADA HITAM

17. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar

penanam-penanam lada di Sarawak berada dalam keadaan yang susah kerana harga lada telah turun dengan dahsyatnya sementara **harga baja telah melambong naik; jika ya**, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membantu penanam-penanam lada di Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kedudukan harga pasaran lada hitam yang telah turun dengan kos pengeluarannya yang semakin meningkat. Usaha-usaha sedang dijalankan melalui komoditi lada hitam di antara bangsa untuk mengsetabilkan harga. Dari segi input pengeluaran pula satu kajian menyeluruh sedang dibuat untuk menambah subsidi input kepada penanam.

LIF-LIF DI RUMAH PANGSA PULAU PINANG

18. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan memandang kepada hakikat lif-lif di kompleks rumah-rumah Pangsa Padang Tembak, Pulau Pinang, kerap kali rosak dan/atau "malfunction", sama ada beliau telah mengarahkan Jabatan Kilang dan Jentera untuk membuat satu pemeriksaan menyeluruh ke atas lif-lif berkenaan diperiksa dan apakah pendapat-pendapat dan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jabatan tersebut, dan sekiranya beliau tidak memberi apa-apa arahan kepada jabatan tersebut, nyatakan mengapa beliau gagal mengarahkan supaya lif-lif berkenaan diperiksa dengan menyeluruh.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hein): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu kesemua lif-lif di rumah pangsa Padang Tembak di Pulau Pinang sentiasa diperiksa oleh Jabatan Kilang dan Jentera Pulau Pinang mengikut jadual yang ditetapkan. Pemeriksaan-pemeriksaan yang terakhir sekali telah dijalankan pada 10hb, 13hb dan 14hb April, 1981 dan juga 2hb Jun, 1981. Keputusan dan syor-syor daripada pemeriksaan tersebut adalah seperti berikut:

19hb April, 1981— Pemeriksaan telah dibuat ke atas lif-lif di Blok B dan C. Arahan telah dibuat ke atas dua buah lif di

Blok C supaya ditukarkan pintu mendarat. Pintu tersebut telah pun ditukar apabila pemeriksaan selanjutnya di buat pada 2hb Jun dan kesemua lif di Blok B dan C didapati berjalan memuaskan dan selamat.

13hb April, 1981— Pemeriksaan telah dibuat ke atas lif di Blok E dan H dan didapati kesemua lif berjalan dengan selamat dan memuaskan.

14hb April, 1981— Pemeriksaan telah dibuat ke atas lif-lif di Blok E dan G dan didapati kesemua lif berjalan dengan selamat dan memuaskan.

2hb Jun, 1981— Pemeriksaan telah dibuat ke atas lif di Blok A, F dan J dan didapati kesemua lif dalam keadaan selamat dan memuaskan kecuali sebuah lif di Blok J di mana kerja-kerja memperbaiki kebel elektrik telah dijalankan.

Pada 14hb Julai, 1981 satu lagi pemeriksaan telah dibuat secara keseluruhan dan didapati semua lif berjalan dengan selamat dan memuaskan.

Walau bagaimanapun selain daripada pemeriksaan biasa yang dijalankan itu Jabatan Kilang dan Jentera telah juga menyiasat atas punca-punca kerosakan dan gangguan perjalanan lif-lif di rumah pangsa tersebut, didapati bahawa kerosakan dan gangguan perjalanan lif-lif tersebut adalah disebabkan penggunaan yang tidak teratur, sikap suka merosakkan (vandalism) dan penggunaan dengan cara mengisi muatan yang berlebihan berat. Satu daripada masalah penyalahgunaan ialah pintu mendarat tidak ditutup dengan sempurna yang menyebabkan lif-lif berhenti. Gangguan juga disebabkan oleh kerosakan ke atas butang selector dan di finger switch, yang terdapat di dalam lif dan pintu mendarat.

Lif-lif tersebut terpaksa dihentikan dari masa ke semasa untuk diperbaiki dan penggantian alat-alat ganti. Masalah gangguan dan kerosakan lif-lif di rumah-rumah pangsa tersebut hanya boleh diatasi oleh pengguna-pengguna sendiri; pengguna-pengguna hendaklah menggunakan lif-lif tersebut dengan teratur dan bertukar sikap supaya menjadi lebih bertanggungjawab dan menghargai perkhidmatan-perkhidmatan awam seperti lif-lif dan sebagainya.

MEROKOK DALAM BAS— UNDANG-UNDANG KECIL

19. **Datuk Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan melaksanakan sepenuhnya undang-undang kecil yang telah berada semenjak tahun 1958 tetapi tidak pernah dikuatkuasakan yang melarang merokok di dalam bas.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat Ordinan Lalu-lintas, 1958 dengan peraturan-peraturan kecilnya yang melarang pemandu, kondakter dan penumpang-penumpang dari merokok apabila tanda "Dilarang Merokok" dipamirkan dalam kenderaan tersebut. Penumpang-penumpang dalam bas-bas sewa khas dan teksi adalah dikecualikan.

Penguatkuasaan undang-undang ini adalah dijalankan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dengan pihak polis. Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai supaya jangan merokok di tempat-tempat awam yang sesak dan menyokong langkah-langkah bagi meningkatkan penguatkuasaan undang-undang itu oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Di samping itu, Kementerian senantiasa berusaha untuk menyedarkan orang ramai tentang bahaya-bahaya kepada kesihatan melalui kempen-kempen anti-merokok dan pelajaran kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 20 hingga 23 adalah di beri di bawah ini).

TANAMAN TEMBAKAU/KEMPEN BAHAYA MEROKOK

8. **Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menjamin perusahaan menanam tembakau dan mengilang rokok di negara ini memandangkan kegiatan-kegiatan kempen dijalankan oleh kebanyakan negara bagi mengingatkan betapa bahayanya amalan merokok.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Walaupun kegiatan-kegiatan kempen yang dijalankan oleh kebanyakan negara bagi mengingatkan betapa bahayanya amalan merokok telah menyekat kadar pertumbuhan permintaan rokok, ia tidak menjejaskan perusahaan menanam tembakau dan mengilang rokok di negara ini memandangkan permintaan masih lagi bertambah dari tahun ke setahun. Suka saya menyatakan di sini bahawa pihak pengilang-pengilang rokok ada menjalankan usaha-usaha mengurangkan kesan-kesan bahaya dari menghisap rokok seperti mengurangkan kandungan nakotin dan tar.

Kementerian saya sentiasa memberikan perhatian kepada perkembangan perusahaan tembakau tempatan dan usaha-usaha sentiasa dibuat untuk memajukan lagi perusahaan tersebut. Ini adalah memandangkan kepada keadaan, di mana penanam-penanam tembakau adalah terdiri daripada golongan yang miskin, terutama sekali di Pantai Timur Semenanjung. Selama ini Kementerian saya menyedari bahawa perusahaan tembakau didapati telah memainkan peranan yang penting di dalam meningkatkan keadaan sosio-ekonomi penanam-penanam tembakau.

RASUAH—JKR SABAH

20. **Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan akan menjalankan suatu penyiasatan terhadap JKR Sabah kerana amalan-amalan rasuah sebagaimana yang didakwa mengenai "SEWA LOJI" (Plant Hire), dan sama ada Kerajaan akan membekukan dasar yang ada sekarang supaya pegawai-pegawai JKR yang terlibat dalam rasuah akan dicegah dari membuat wang cepat.

Dato' Nik Hussein bin Abdul Rahman: Untuk memaklumkan Ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa JKR Sabah sepertimana yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri, telah menyewa alat-alat jentera dari pihak swasta untuk menjalankan program-program segera mengenai pembinaan jalan-jalan kecil di kawasan-kawasan pembangunan dan kawasan-kawasan luar bandar.

Pembayaran untuk kegunaan seperti itu telah pun ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan kadar bayaran-bayarannya adalah sama di seluruh negeri tersebut.

Tindakan seperti ini telah diambil untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan jalan-jalanraya di kawasan-kawasan seperti itu oleh kerana pihak JKR Negeri tidak mempunyai keupayaan.

Program ini telah pun ditamatkan pada bulan Julai 1981 dan penyewaan itu telah pun dihentikan mulai dari Ogos 1981. Selepas tarikh itu, jentera-jentera swasta akan hanya digunakan untuk kerja-kerja kecemasan sahaja.

Setahu saya tidak ada pegawai-pegawai JKR yang terlibat dalam amalan rasuah berhubung dengan penyewaan alat-alat jentera. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat ada keterangan atau bukti yang lengkap mengenai amalan rasuah mana-mana pihak sila lapurkan yang berkenaan ataupun pihak Biro Siasatan Negara supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

KUMPULAN DAKWAH SONGSANG

21. Tuan Haji Ampong bin Puyon bertanya kepada Perdana Menteri sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan baru-baru ini dalam menyasiat kumpulan dakwah songsang dan berapa banyakkah kumpulan dakwah di negara ini dan nyatakan berapa buah darinya yang disangsikan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah menubuhkan apa yang dinamakan Jawatankuasa Khas bagi menyasiat Kumpulan Dakwah Songsang.

Bagaimanapun, Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri memang sentiasa membuat penyelidikan ke atas kegiatan dakwah yang ada di negara ini sama ada ianya selaras dengan ajaran Islam atau tidak dengan kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

Jumlah badan dakwah di seluruh negara ialah 34 buah walau bagaimanapun belum dapat dinyatakan jumlah badan dakwah tersebut yang disangsikan.

Dari segi keagamaan bukanlah satu perkara yang mudah untuk menentukan kumpulan yang mana yang menyebarkan ajaran-ajaran yang sangsikan dan kumpulan mana yang tidak. Kajian dan penyelidikan yang mendalam serta memakan masa yang panjang adalah diperlukan supaya penilaian di atas sesuatu kumpulan itu dapat dibuat dengan saksama dan adil.

MENTERI/PEGAWAI KANAN KERAJAAN MENGISYTIHAR HARTA

22. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyuruh Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan mengumumkan semua harta benda milik mereka.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Jawapan kepada soalan ini samalah dengan jawapan yang diberikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa menjawab soalan No. 9 daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 12-10-1981.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

UNDANG-UNDANG MENGISYTIHARKAN HARTA AHLI PARLIMEN/ DEWAN NEGERI

23. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau akan memperkenalkan undang-undang menghendaki semua Ahli Dewan Negeri, Ahli Exco, Ahli Parlimen dan Menteri mengisytiharkan semua harta-harta termasuk harta isteri dan segala penerangan hendaklah diketahui umum.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang yang mewajibkan semua Ahli-Ahli Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri

mengisytiharkan harta mereka. Mengenai pengisytiharan harta oleh Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun memberi penjelasan kepada Dewan ini semasa menjawab soalan No. 15 daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 12-10-1981. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

USUL

LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT

Kertas No. DR. 2/1981

3.35 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dibentangkan sebagai Kertas No. DR. 2 Tahun 1981 diterima dan dikuatkuasa mulai dari tarikh penerimaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan itu Jawatankuasa berkenaan telah mengemukakan pindaan-pindaan tertentu kepada Peraturan-peraturan 12 (1), 18 (2), 24 (2), 67 (2) dan 98. Pindaan-pindaan yang berkenaan dan tujuannya adalah seperti berikut:

- (a) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 12 (1) dicadangkan dipinda dengan memasukkan di antara perkataan-perkataan dan angka "pukul 6.30 petang" dengan perkataan "atau" perkataan-perkataan berikut, "Kecuali pada hari Jumaat apabila persidangan dimulakan pada pukul 3.00 petang dan diteruskan sehingga pukul 7.00 petang."

Tujuan pindaan ini ialah untuk memberi masa yang cukup bagi Ahli-ahli yang menunaikan fardhu Jumaat dapat hadir dalam persidangan Majlis tanpa gopoh gapah dan tergesa-gesa.

- (b) Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2) dicadangkan dipinda dengan

menggantikan perkataan-perkataan "Mesyuarat mula bersidang" dengan perkataan-perkataan "persidangan dimulakan".

Tujuan pindaan ini ialah untuk menggantikan perkataan "mesyuarat dengan perkataan persidangan" supaya bersesuaian dengan takrifan "persidangan".

- (c) Peraturan Majlis Mesyuarat 24 (2) dicadangkan dipinda dengan memasukkan di antara perkataan-perkataan "di tempatnya" dengan "dan" yang berikut, "apabila semua pertanyaan-pertanyaan yang lain untuk hari itu telah diselesaikan."

Tujuan pindaan ini ialah supaya memberi keutamaan kepada Yang Berhormat Ahli yang hadir sendiri dalam Dewan untuk bertanya pertanyaan-pertanyaan mereka sebelum memberi peluang kepada pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli-ahli yang tidak hadir ditanya oleh Ahli yang lain.

- (d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 67 (2) dan 98 dicadangkan dipinda dengan bertujuan hendak membetulkan supaya perkataan-perkataan "mesyuarat" dan "persidangan" bersesuaian dengan takrifan perkataan-perkataan itu masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dibentangkan sebagai Kertas No. DR. 2 Tahun 1981 diterima dan dikuatkuasakan mulai dari tarikh penerimaan.

Sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Petaling.

3.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan oleh **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri** boleh disifatkan sebagai tinkering, *ad-hoc* dan piece-meal kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat semenjak merdeka. Ada masa untuk membetulkan kesilapan-kesilapan teknikal dan ada masa untuk menghadkan dan kurangkan peluang-peluang pihak Pembangunan untuk memainkan satu bahagian yang sepenuhnya dalam urusan-urusan Parlimen.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, masa sudah sampai untuk mengadakan satu kajian yang menyeluruh dan komprehensif terhadap Peraturan-peraturan Mesyuarat dan prosedur-prosedur Parlimen supaya memberi lebih makna dan vitality kepada sistem demokrasi berparlimen.

Sebab itu saya bercadang dan saya mahu menggunakan peluang ini untuk mencadangkan sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ini cadangan apa? Perbahasan ini hanya kepada pindaan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah tahu mengapa cakap yang lain?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau ada membuat pindaan-pindaan supaya Peraturan Mesyuarat lebih lengkap dan lebih licin.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada cadangan yang lain-lain, beri tahu saya dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Itupun satu jalan dan sayapun boleh cadangkan di sini di mana satu perbahasan atas pindaan-pindaan Peraturan Mesyuarat. Saya rasa inipun satu tepat yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Asalkan sesuai dengan pindaannya. Kalau luar daripada ini tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ada berkaitan dengan pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Apa bendanya itu!

Tuan Lim Kit Siang: Tujuannya ialah sudah sampai masanya di mana kita tidak membuat pindaan-pindaan yang *ad hoc* dan *piecemeal* tetapi secara satu *comprehensive* supaya kita membuat satu kajian yang mendalam dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya mahu membuat cadangan di sini ialah bahawa masanya sudah sampai di mana satu konferensi semua parti dibuat atas pindaan-pindaan yang patut dibuat terhadap Peraturan-peraturan Mesyuarat yang kita ada supaya pindaan-pindaan boleh dibuat untuk memastikan Peraturan-peraturan Mesyuarat menentukan bahawa Dewan yang mulia kita ini *contemporary* dan bukan satu institusi yang *outmoded*. Saya boleh buat satu contoh yang berbangkit daripada Peraturan Mesyuarat 24 (2) yang kita ada buat cadangan untuk dipinda.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 24 (2) kalau satu soalan lisan tidak dapat ditanya dalam masa satu jam pertanyaan maka Menteri yang diarahkan pertanyaan itu bolehlah menghantar salinan jawapan pertanyaan itu kepada Setiausaha dan Setiausaha hendaklah menguruskan supaya jawapan ini dimasukkan dalam *Penyata Rasmi Mesyuarat* sungguhpun ada sedikit perbezaan dalam bahasa Inggerisnya di sebut 'shall send copies of the answer to the Secretary' dan bukan 'bolehlah menghantar salinan'. Tetapi apa yang saya hendak timbulkan di sini bukan perkataan-perkataan itu tetapi apa yang berlaku daripada peruntukan-peruntukan ini. Tujuan, Tuan Yang di-Pertua, untuk pertanyaan soalan ialah mendapatkan maklumat-maklumat dan tentulah masa menjadi satu faktor untuk mendapatkan maklumat itu, bukan selepas dua tahun, tiga tahun baharu dapat maklumat, kalau begitu tentulah soalan itu sudah menjadi *outmoded* dan tidak berguna.

Apa yang berlaku sekarang ialah apabila sesuatu soalan yang tidak dapat ditanya dalam masa soalan, baik pun di bawah Peraturan Mesyuarat 24 (2) atau Peraturan Mesyuarat 22 (3) atau Peraturan Mesyuarat 24 (5) ialah soalan itu dibunuh (killed) untuk semua *practical purposes*. Sungguhpun Peraturan Mesyuarat dan peruntukan bahawa soalan itu dicetak dalam *Penyata*

Rasmi tetapi Penyata Rasmi tidak dikeluarkan sehingga selepas tiga tahun. Itulah apa yang berlaku sekarang. Penyata Rasmi (*Hansard*) yang sekarang ini ada disiapkan ialah untuk 15hb Disember, 1978 dan saya dapat tahu itupun bukan lengkap, ada 6 atau 7 *Hansard* sebelum itu belum disiapkan lagi. Ini bererti bahawa kalau satu soalan tidak timbul seorang ahli mahu tunggu tiga tahun baharulah dapat maklumat-maklumat atau mendapat jawapan. Ini bererti mungkin bila sampai masa itu ahli-ahli yang berkenaan tidak menjadi ahli lagi.

Untuk kepentingan ahli yang membuat pertanyaan, untuk pengetahuan Parlimen, untuk kepentingan orang ramai, saya rasa perkara ini patut dapat satu pertimbangan oleh kerana sebenarnya apa yang patut dibuat dengan senang iaitu mengikut spirit atau semangat peruntukan-peruntukan bahawa jawapan-jawapan dihantar kepada Setiausaha Parlimen dan juga ahli yang membuat soalan. Dan selalu mendapat tahu bahawa kenapa jawapan-jawapan begitu susah dapat ialah bukan sahaja tidak ada kecekapan pihak Jabatan Cetak tetapi sikap Kementerian yang tidak mahu memberi jawapan yang serta-merta kepada Jabatan Parlimen. Sebab itu baharu-baharu ini kita dapat jawapan untuk Soalan-soalan Bertulis untuk mesyuarat Disember, 1980. Dan Soalan-soalan Bertulis Ahli-ahli Yang Berhormat ada membuat pertanyaan untuk mesyuarat bulan Mac tahun ini, untuk mesyuarat Jun tahun ini, untuk mesyuarat Budget sekarang belum dapat lagi sungguhpun Ahli-ahli Yang Berhormat perlu memberi notis 14 hari kerja dan tentulah kita ada hak untuk mahu mendapat jawapan-jawapan itu dalam mesyuarat yang sama. Saya harap bahawa perkara semacam ini boleh mendapat pertimbangan supaya kita boleh dapat satu institusi Parlimen yang lebih contemporaneous dan bukan apa yang berlaku ada ciri-ciri yang begitu outmoded. Saya harap perkara semacam ini boleh dibetulkan dan tidaklah berlaku apa yang semacam ini dan lain-lain aspek Parlimen, semacam Laporan PAC tahun 1975 pun belum keluar, sudah 6 tahun dan kalau tidak silap saya mungkin Parlimen ini dibubarkan Laporan PAC tahun 1975 dan 1976.

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah melarat-larat kepada Jawatankuasa lain pula.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, Itu apa yang terkandung

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu! Duduk sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis sekarang tengah menimbangankan pindaan Laporan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, jadi janganlah kait-kaitkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa lain pula.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu menimbulkan perkara mengenai soalan, jawapan, maklumat contemporaneous proceeding dan bukan outmoded. Saya tidak mahu bercakap mengenai proceeding of the PAC tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Bukan proceedings. Saya katakan tumpukan hanya kepada pindaan ini—yang relevant.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, relevant. Sebab itu saya mencadangkan bahawa satu kajian yang comprehensive perlu dibuat seperti soalan-soalan tiga tahun kadangkala baharu dapat maklumat, serupa juga laporan PAC untuk tahun 1975 pun belum dibentangkan—mungkin Parlimen sudah dibubarkan pun tidak dikeluarkan dan kalau itu berlaku mungkin pemeriksaan PAC untuk tahun 1975, 1976 dan 1977 semuanya sia-sia sahaja. PAC yang baharu mungkin membuat siasatan yang baharu. Sebab itu saya kata ini relevant. Janganlah kita buat pindaan *ad hoc* dan piecemeal tetapi secara comprehensive, Tuan Yang di-Pertua.

Saya boleh buat satu contoh untuk hari yang pertama dalam mesyuarat ini, saya ada satu soalan yang dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah mengenai elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan seorang Menteri apabila beliau bercuti. Soalan itu tidak timbul dalam masa soal jawab. Adakah kita mahu tunggu tiga tahun baharu dapat jawapannya. Saya rasa bukan itu sahaja tetapi yang lain-lain yang tidak berpatutan dan patut dibetulkan.

Berkaitan dengan soalan atau tempat soalan daripada Peraturan 24 ini, saya rasa satu perkara perlu mendapat pertimbangan ialah satu kriteria di mana semua Ahli-ahli Parlimen tahu asas apa soalan-soalan di tempat-tempatkan sehari-hari, Oleh kerana kalau tidak mungkin boleh menimbulkan perasaan bahawa mungkin ada satu soalan yang begitu embarrassing kepada Kerajaan ditempatkan di bawah dan mahu tunggu lagi tiga tahun baharu jawapan boleh diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu cadangan bahawa masa bersidang untuk hari Jumaat ditukar sedikit daripada pukul 3 petang sehingga pukul 7 malam. Saya rasa masa pun sudah sampai untuk memanjangkan masa bukan sahaja untuk hari Jumaat tetapi untuk hari-hari yang lain, oleh kerana apabila kita bandingkan Parlimen yang bermula masa itu baru ada 104 orang Ahli Parlimen, sekarang sudah 155 orang Ahli Parlimen, masa itu Budget sebagai contohnya untuk satu tahun tak sampai 1 billion, hari ini kita ada satu budget untuk tahun 1982 \$31.9 billion. Saya rasa antara perkara yang perlu dapat kajian ialah memanjang masa untuk perbahasan, khasnya untuk perbahasan Budget dan Titah Ucapan, oleh kerana ada selalu dapat sungutan-sungutan bahawa Ahli-ahli Parlimen, khasnya Ahli Parlimen di pihak sini bahawa ada Ahli-ahli yang tidak mendapat peluang yang sepenuhnya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan-perbahasan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa satu review yang secara menyeluruh boleh dibuat dan antara review yang menyeluruh ini bahawa satu peruntukan secara formal atau tidak formal boleh dibuat di mana ada peruntukan untuk urusan-urusan untuk pihak Opposisi, bahkan satu hari, dua hari atau tiga hari memandangkan masa panjang satu session seperti dalam session ini saya ada notis untuk tiga usul dan saya haraplah bahawa urusan Parlimen bukan sahaja urusan Kerajaan tetapi termasuk urusan parti Pembangkang di mana tidak perlu kita bergantung kepada tanda mercy pentadbiran atau Kerajaan sama ada usul-usul Pembangkang akan timbul atau tidak tetapi ada satu konvensyen di mana tentu ada tetap tiap-tiap hari untuk urusan-urusan Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

3.52 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian atas usul pindaan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ke atas Perintah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tuan Speaker, saya menyokong penuh atas cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh rakan saya dari Petaling dan di samping itu saya ingin membuat beberapa pertanyaan yang diperlukan penjelasan yang lebih lanjut.

Satu pindaan ada dicadangkan kepada Perintah Tetap Mesyuarat 24 (2) di mana pindaan dibuat untuk menyertakan perkataan-perkataan "apabila semua pertanyaan-pertanyaan yang lain untuk hari itu telah diselesaikan" di antara perkataan-perkataan "di tempatnya" dan "dan".

Tuan Speaker, pada masa sekarang apabila seseorang ahli itu tidak ada pada ketika Tuan Speaker memanggilnya untuk menanya soalan maka seseorang ahli lain boleh menjadikan soalan itu sebagai soalan dia dan berdiri menanyakan soalan itu, tetapi dengan adanya pindaan ini, saya cuma mahu bertanya apakah apabila soalan Ahli Yang Berhormat "A" itu ditetapkan sebagai soalan pertama atau kelima atau apa sahaja angkanya pada Kertas Mesyuarat atau Order Paper dan sekiranya ia No. 1 dan ahli itu tidak ada pada ketika itu, maka saya menggangap Tuan Speaker akan terus pergi kepada soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Melainkan ada seorang Ahli Yang Berhormat yang lain menyatakan hendakkan bertanya kepada soalan itu, jadi atas nama dia tetapi diberi peluang hanya pada akhir masa kerana mengutamakan orang yang hadir dahulu.

Tuan P. Patto: Saya cuma hendak bertanya, kalaulah ahli yang menanyakan soalan seperti disebut di atas Order Paper itu tidak ada dalam Dewan pada ketika ahli itu dipanggil untuk bertanya tetapi beliau berada

kemudiannya sebelum tamatnya masa soal-jawab dan apakala semua soalan-soalan lain di atas nama ahli-ahli yang berada dalam Dewan sudah ditanya dan dijawab, adakah Ahli Yang Berhormat yang asal itu boleh bangun dan bertanya ataupun mengikut 24 (2) hanya orang lain sahaja yang boleh bertanya. Jadi perkara ini hendaklah diberi penjelasan, sebab kalaulah pindaan ini dibuat akan timbullah masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bertanya ruling dari sayakah atau daripada Yang Berhormat Perdana Menteri?

Tuan P. Patto: Perdana Menteri, apa penjelasan mengenai pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau orang yang asal itu sudah ada, dia dapatlah balik, tentu dia lebih diutamakan daripada orang yang mengambil soalan dia.

Tuan P. Patto: Walaupun tidak ada apa-apa yang disebut dalam Perintah Tetap.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak apa, kerana dia hadir kemudian.

Tuan P. Patto: Kalau itu keputusan Tuan Speaker, sekarang sahaja saya fikir tidak payahlah Yang Amat Berhormat menjawab, Tuan Speaker sendiri sudah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu rulingnya.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, mengenai pandangan rakan saya tentang perkara-perkara lain yang patut juga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat menimbang tetapi tidak ditimbang dan nampaknya mengemukakan hanya 4-5 pindaan yang sebahagian besarnya adalah teknikal, saya tidak mengetahui apakah Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat masih lagi memikirkan tidak sampai masanya untuk mengulang kaji atau mengadakan satu kajian menyeluruh tentang semua Peraturan-peraturan Mesyuarat demi untuk memastikan bahawa hak dan kebebasan setiap anggota dalam Dewan ini dikekalkan dan diperkuatkan lagi dalam Perintah Tetap dan bukan mengadakan pindaan-pindaan untuk memperkuatkan tangan eksekutif supaya dimasukkan ke dalam Perintah Tetap. Jadi saya haraplah

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh membuat beberapa arahan. Pertama, mengenai soalan-soalan yang tidak dapat dijawab dalam Dewan seperti dibangkitkan oleh rakan saya. Kedua, soalan-soalan yang dikemukakan untuk jawapan bertulis yang hanya dapat kita menerima selepas setahun atau lebih daripada setahun di mana angka-angka yang diperlukan, jawapan-jawapan yang diperlukan itu tidak ada makna lagi.

Saya berharap pihak eksekutif boleh di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengubah sikap yang telah ada pada masa-masa dahulu dan boleh menunjukkan bahawa pentadbiran eksekutif di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah lebih licin, lebih cekap dan dengan itu haraplah jawapan-jawapan kepada soalan yang tidak dapat dijawab dalam Dewan pada hari-hari yang ditetapkan dapat kita terima pada hari itu juga.

Di sini saya menimbulkan satu perkara di mana saya dapati dengan jelasnya pada hari Rabu Tuan Speaker telah mengarahkan satu soalan daripada Ahli dari Alor Setar tidak ditanya oleh kerana beliau dalam cuti dan oleh kerana soalan itu tidak boleh ditanya maka ertinya jawapan itu tidak boleh diberikan kepada sesiapa kalau saya tidak silap, tetapi saya dapati daripada akhbar semalam jawapan itu telah keluar dalam akhbar dengan dinyatakan bahawa jawapan ini adalah Jawapan Bertulis, walaupun Tuan Speaker telah mengarahkan Ahli itu bercuti maka soalan itu tidak boleh dikemukakan. Jadi, saya haraplah satu ruling boleh dibuat oleh Tuan Speaker mengenai keadaan-keadaan seperti itu. Kalaulah Yang Berhormat Menteri boleh beri kepada akhbar—kalau dibenar, apakah salahnya soalan-soalan yang tidak dapat dijawab di dalam Dewan itu diberikan terus kepada Ahli-ahli yang berkenaan. Itu sahaja, Tuan Speaker, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, memang ada peraturannya seseorang Ahli yang bercuti tidak boleh mengambil bahagian di dalam perbincangan Dewan. Jadi, sayapun tidak tahu bagaimana jawapan sudah diberi—saya tidak tahu sebab seseorang Ahli Yang Berhormat yang bercuti dengan apa sebab pun bercuti dia tidak boleh mengambil

bahagian di dalam persidangan termasuklah soal jawab. Ada dua Ahli Yang Berhormat dahulu tidak ada dapat bertanyakan kerana *mereka di dalam cuti*.

Tuan P. Patto: Penjelasan Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker memberitahu Dewan bahawa oleh kerana Ahli itu bercuti maka soalan itu tidak boleh ditanya. Bolehkah jawapan bagi soalan itu diberikan kepada akhbar sebagai Jawapan Bertulis, walaupun Tuan Speaker belum mengarahkan supaya soalan itu diberi Jawapan Bertulis mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya bukan boleh tidak boleh. Sudah keluar. Jadi, sudah keluar itu nanti soalan lainlah pula bagaimana hendak diambil. Saya pun baru tahu sekarang ini, saya tidak tahu sebelum daripada ini. Ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini? Kalau tidak saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jawapan.

4.03 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari puak Pembangkang yang telah membangkitkan beberapa perkara. Kalau kita perhatikan di dalam perbahasan berkenaan dengan perkara yang kecil seperti pindaan kepada Aturan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat kita tentulah dapat dilihat bagaimana peluang yang banyak telah diberi kepada parti Pembangkang untuk berbahas sedangkan parti Kerajaan yang mempunyai lebih banyak Ahli-ahli tidak mengambil masa Dewan ini seperti Ahli-ahli Pembangkang. Walaupun demikian, kita mendengar kedua-dua Ahli Pembangkang itu membuat tuduhan bahawa Kerajaan ataupun pihak Eksekutif tidak memberi peluang kepada mereka untuk berucap ataupun menjalankan tugas-tugas mereka sebagai wakil yang demokratik. Saya yakin kalaulah barang dijauhi Allah mereka memerintah negara kita ini kita tidak mungkin dapat peluang langsung bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kajian semua Aturan Peraturan ini, ini memanglah selalu disuruh oleh pihak Pembangkang seolah-olah membuat kajian selalu Aturan Peraturan bermakna maka semua masalah akan beres tetapi sepertimana kita tahu kalau kita membuat kajian yang semua sekalipun mungkin ada juga kesalahan-kesalahan yang berlaku yang kemudiannya terpaksa dibetulkan juga. Jadi, tidak ada jadi satu perkara yang luar biasa ataupun ganjil. Kita membuat kajian daripada masa ke semasa apabila kita dapati bahawa keadaan menyuruh kita membuat perubahan-perubahan ini.

Berkenaan dengan soal ubah sikap yang mana Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menyuruh saya tentukan. Saya dapat barangkali cuba mengubah sikap pegawai Kerajaan dan juga Ahli-ahli daripada parti Kerajaan tetapi yang saya tidak dapat ubah sikap ialah Ahli-ahli daripada parti Pembangkang (*Tepuk*). Kalau mereka sanggup ubah sikap, saya fikir saya akan lebih berjaya mengubah sikap pihak-pihak yang lain. Selain daripada itu saya tidak ada apa-lagi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dibentangkan sebagai Kertas No. DR. 2 Tahun 1981 diterima dan dikuatkuasakan mulai dari tarikh penerimaan. Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dibentangkan sebagai Kertas No. DR. 2 Tahun 1981 diterima dan dikuatkuasakan mulai dari tarikh penerimaan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1982

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang

ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (28hb Oktober 1981).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1982

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$14,631,547,375 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1982, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1981, adalah diutamakan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut. (28hb Oktober 1981).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyambung ucapannya.

4.08 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan pada hari Rabu yang lepas berkenaan dengan borang pencalonan. Ini saya suka mengulangkan. Di dalam peraturan pencalonan saya berharap sangat-sangat kepada Kerajaan walaupun kita mesti adakan syarat borang dan sebagainya tetapi saya merayulah pihak Kerajaan janganlah diketatkan sangat sehingga dengan salah satu perkataan membawakan seseorang calon tidak dibawa langsung dalam pertandingan. Saya takut sekali perkara ini kerana kita tahu

seseorang bila masuk calon tentulah syarat-syaratnya kita kehendaki tetapi kalau kerana sedikit kesilapan membawa dia terpaksa ditolak, ini adalah satu perkara yang pada pendapat saya amatlah tidak menasabah. Dengan sebab itu, saya merayu sekali lagi kepada pihak Kerajaan mengkaji semula tentang perkara ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah hendak dibuatkan syarat wang pertaruhan kerana kita bimbang kalaulah ke semua hendak jadi calon dengan tidak ada satu syarat, ini boleh jadi kerana tidak bertanggungjawab balik; dinaikkan kepada syarat wang pertaruhan, misalnya mengikut keadaan sekarang kalaulah Ahli Parlimen elauun bulanannya \$3,000 maka syarat wang pertaruhan mesti juga \$3,000. Begitulah juga kalau elauun Ahli Dewan Undangan Negeri misalnya \$2,000 dikenakan wang pertaruhan syarat pencalonan depositnya \$2,000, tetapi mengenai apa yang saya katakan tadi amatlah tidak munasabah.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga keamanan di masa pilihanraya, saya bersetuju sangat Kerajaan mengadakan syarat-syarat supaya ceramah-ceramah tidak dibenarkan apatah lagi kalau kata-kata yang membawakan perasaan perkauman dan sebagainya. Pada pendapat saya seseorang calon itu bukanlah bergantung kemenangan pada hari ceramah, hari kempen dan sebagainya tetapi bergantung kepada keadaan kawasan calon itu sendiri. Jadi alangkah sedihnya kalau calon itu yakin dia mendapat kemenangan tetapi dengan kerana sedikit kesilapan dia membawakan macam-mana saya katakan tadi tidak diterima langsung. Bahkan bagi diri saya sendiri kalaulah ditakdirkan Tuhan juga keputusan parti, saya berasa tidak megah bagi saya kalau yang berlawan dengan saya itu kalah tetapi bukan kerana dia tidak mahu bertanding tetapi kerana kesilapan mengisi borang walaupun saya menang. Itu saya pandang tidak sporting dan tidak gentleman. Jadi saya berharap biarlah satu orang dikehendaki oleh rakyat betul-betul sungguhpun begitu saya ulang sekali lagi

janganlah sehingga calon itu tidak ada bertanggungjawab langsung sehingga tidak mengisi borang, tidak senonoh. Jadi kalau *tersilap satu dua, patut pihak pendaftar atau pihak yang merancang hari Pencalonan* membetulkan kalau ada satu dua kesilapan sebagaimana saya katakan tadi tetapi janganlah ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada perkara yang sama, kita mustahak kepada pengundi walaupun pada masa pendaftaran pengundi pada 16hb Ogos, tiap-tiap tahun sampai bulan September, 40 hari diulang oleh RTM tetapi saya berpendapat tak begitu cukup masa yang diberi. Jadi saya berharap patutlah ditambah sekurang-kurangnya masa pendaftaran pengundi tiap-tiap tahun itu hendaklah tidak kurang daripada dua bulan ataupun 60 hari. Dan Saya berharap juga kalau boleh penolong pendaftar itu hendaklah diambil betul-betul orang yang tidak berjawatan, maknanya yang bukan berjawatan Kerajaan. Dia cuma dapat menjalankan tugas kecuali selepas pejabat pukul 4.15 petang, barulah dapat menjalankan tugas. Saya berharap supaya diambil daripada pegawai-pegawai yang tidak berjawatan Kerajaan iaitu penolong pendaftar.

Di samping itu kalau kita tengok kepada elaun, berbagai elaun mesyuarat, elaun Parlimen, elaun itu dan ini sudah naik dua tiga kali, jadi saya fikir tak menasabah elaun penolong pendaftar sampai hari ini tak dinaikkan. Maka saya berharap juga dan saya mencadangkan supaya dinaikkan sekurang-kurangnya \$300.00 kalau sampai \$500 itu yang saya hajati sangat-sangat. Itulah harapan saya daripada segi pendaftaran pengundi moga-moga saya berharap dari segi pendaftaran, pencalonan ini akan dapat berjalan dengan lebih licin lagi kepada negara kita di masa pilihanraya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada keputusan mesyuarat. Saya berharap sangat kalau dalam Parlimen ini kita sudah putuskan satu-satu perkara baik segi apa sekali pun, kalau boleh janganlah diganggu gugat oleh mana-mana golongan. Pendek kata sudah diputuskan dalam Parlimen, ada satu pihak tak puas hati bawa ke satu pihak lain pula

yang boleh keputusan Parlimen tadi diganggu gugat macam mana saya katakan tadi sekiranya dalam Perlembagaan kita tidak lengkap maka saya berharap dilengkapkan dengan syarat-syarat yang saya katakan tadi.

Begitu juga di segi mahkamah. Saya berpendapat kalaulah satu-satu keputusan Mahkamah yang telah diputuskan dalam Malaysia tak payahlah kita bawa ke mahkamah lain lagi untuk memutuskan dalam negara kita balik. Itu saya harap supaya kerja kita itu jangan buat kata pepatah Melayu "Macam menarah di atas peha." Apatah lagi pada awal saya katakan tadi kita ini dipilih oleh rakyat, kalau sudah diputuskan oleh Parlimen boleh digugat oleh satu golongan, maknanya kuasa rakyat yang diberi sama ada Pembangkang atau pihak Kerajaan, ini sama-sama kita tidak hormati. Jadi saya ulang sekali lagi kalaulah di segi ini tidak cukup kerana dalam Perlembagaan mengatakan boleh disaman, boleh dibawa ke mahkamah walaupun diputuskan dalam Parlimen, adakan satu syarat begitu, kerana ini macam kita berada sama di sini, walaupun kita hari ini berada dalam 154 orang tetapi kita adalah mewakili rakyat. Kalau pihak Kerajaan hari ini memerintah, ia adalah mewakili kebanyakan daripada rakyat yang memilih. Jadi saya berharap keputusan yang saya katakan tadi mestilah jangan ada diganggu gugat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya berharap kalau ada setengah tempat belum menggunakan dalam mahkamah Bahasa Melayu walaupun kita sudah merdeka lebih kurang 25 tahun, saya berharaplah Bahasa Malaysia dapat kita gunakan di segenap bidang, kerana bagi setengah masyarakat dia amat puas hati kalau dia dapat mendengar perbincangan kepada keluarga dia sendiri, setengah daripada masyarakat luar bandar, jadi salah satu kesalahan daripada keluarga siapa pun, dia tentu ingin dengar keputusan itu diputuskan oleh mahkamah. Jadi kalaulah pihak yang berkenaan menggunakan bahasa yang dia tak dapat faham, ini kadang-kadang dia terasa teraniaya tetapi kalau dia tahu sendiri dan dengar sendiri bahasa yang digunakan dan kadang-kadang orang yang bertimbangrasi dia berasa puas hati walaupun keluarganya

kena hukum selepas dia dengar apa yang dibicarakan mengikut pendakwa dan peguam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya juga kepada masalah luar bandar. Saya berharap kepada Kerajaan hari ini supaya membanyakkan lagi rancangan luar bandar biarlah berkesan, makna berkesan maksud saya biarlah kalau kita adakan jalan-jalan kecil biarlah cara bertar. Kalaulah jalan banyak sekalipun kalau tidak dapat dilalui musim panas menjadi debu, musim hujan menjadi lecah dan sebagainya. Ini tidak dapat maksud yang sebenar. Jadi biarlah Kerajaan seboleh-bolehnya mengadakan satu-satu projek itu supaya lengkap.

Yang kedua rancangan RPK itu saya tengok telah menjadi keuntungan banyak kepada masyarakat khasnya orang-orang yang susah. Jadi saya berharap sangat kepada Kerajaan supaya melipatgandakan perkara ini dan di samping itu setahu saya orang yang menjalankan itu ialah Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan Keselamatan (JKKKK). Jadi saya bersetuju dengan pendapat kawan saya wakil dari Padang Rengas ketika mula berucap, kita ini tiap-tiap kali mesyuarat minta elaun dan saya percaya tiap-tiap orang daripada kita tentulah kita tak bekerja kalau ada tak ada elaun dan sebagainya. Dengan sebab itu patutlah kita bertimbangrasa, walaupun mereka itu kita suruh mereka berkhidmat tetapi biarlah perkhidmatan mereka juga kita beri upahan atau pembayaran, iaitu sekurang-kurangnya biarlah tiap-tiap kali elaun mesyuarat \$5 pada tiap-tiap satu orang. Ini saya harap sangat dan seboleh-bolehnya diadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali, kerana setahu saya JKKKK ini adalah bertanggungjawab bersungguh-sungguh kepada masyarakat baik dari segi keselamatan, pembangunan dan sebagainya.

Begitu juga segi keselamatan kampung. Kita amat sedih dan dukacita baik dalam bandar atau luar bandar sama ada rumah orang yang ternama atau tidak ternama, kecurian dan rompak masih menjadi-jadi. Walaupun kita ada pegawai keselamatan tetapi setakat yang saya tahu biasa disebut oleh Menteri yang berkenaan

bahawa pegawai keselamatan khasnya polis tidak cukup. Dengan sebab itu kerjasama daripada orang ramai, daripada masyarakat dan rakyat sendiri amatlah perlu. Jadi saya berharap tempat yang menasabah seperti Rukun Tetangga itu patutlah dibanyakkan lagi terutama di bandar dan sebagainya. Ini saya harap sangat-sangat kerana masih lagi menjadi-jadi baik di luar bandar ataupun dalam bandar. Jadi saya berharap Kerajaan membanyakkan lagi walaupun kita ada polis tetapi tidak mencukupi dengan keadaan yang ada pada hari ini dan kalau boleh patutlah diadakan kawalan lebih ketat lagi.

Saya masih ingat di masa Jepun dahulu walaupun saya kecil, biasanya rumah kita, kita buka tak ada orang berani masuk, kerana undang-undang itu ketat; siapa yang didapati salah, tetapi biarlah betul-betul bersalah, dihukum dan disiksa dan sebagainya. Pendek kata buka rumah pun tak berani orang masuk, tetapi kalau keadaan macam hari ini macam kita tengok dalam akhbar walaupun kita tak nampak tetapi kita yakin kenyataan itu benar, rumah bekas Gabnor Pulau Pinang sendiri sudah dimasuki penyamun. Apatah lagi kalau tempat-tempat yang sunyi terpencil. Jadi jawabnya hari ini di mana pun dia boleh masuk tetapi dia hendak masuk atau tidak, kalau difikir tempat itu ada wang. Kalau tidak ada wang, tentulah dia tak masuk walaupun tak ada pagar sekalipun. Ini saya amat dukacita dan saya berharaplah pihak Kerajaan mencari jalan mengadakan undang-undang. Saya berani kata di zaman pemerintahan Jepun dahulu dan sekarang banyak yang boleh kita ambil contoh. Begitu juga dari segi undang-undang, kalau dapat mententeramkan negara kita, patutlah kita ambil contoh walau di mana sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya juga dari segi kemasyarakatan kampung, nampaknya Kemas hari ini memainkan satu peranan yang aktif dalam kampung bukan sahaja mereka itu mencelikkan orang butahuruf bahkan hari ini masa itu sudah ketinggalan tetapi dari segi lain, di segi gerakan sedar, di segi pertanian, boleh dikatakan di segenap segi Pejabat Kemas memainkan peranan untuk memajukan masyarakat sama ada keselamatan, kemajuan dan sebagainya. Saya berasa syukur kepada

Allah dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah menaikkan elaun mereka kepada satu tahap yang agak berpatutan tetapi kita *biarpun dalam ugama, saya tak hendaklah* berkata dengan hadis tetapi ada maksud yang mengatakan kita hidup mencari rezeki, juga muda kita sebelum tua, jaga kesihatan sebelum sakit, jaga ada sebelum tak ada. Pendek kata kita akan fikir masa kita tua. Jadi kalaulah boleh diadakan satu syarat bagi mereka itu berpencen kadar yang berpatutan untuk kita adakan satu undang-undang, kalaulah hendak dikatakan mereka itu tak boleh diberi pencen kerana diambil secara bukan temuduga tetapi fikir kita juga sebagai satu keistimewaan kalau disegi umur, kita Wakil Rakyat boleh dikatakan kita tak ambil syarat langsung tetapi setahu saya Penyelia pun hari ini begitu juga. Pejabat-pejabat Kemas diadakan syarat.

Tuan Peter Paul Dason: (Bangun)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap apa hal?

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir oleh kerana tidak ada koram perbahasan tidak boleh diteruskan.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Koram cukup. Saya jemput Yang Berhormat dari Kangar menyambung ucapannya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa kena berhenti disebabkan keadaan yang dibawa oleh rakan kita tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung apa yang saya katakan tadi, kalaulah kita memikirkan di segi-segi lain Wakil Rakyat dan sebagainya, kita beri pencen seperti yang sudah berhenti pada tahun 1970an dan 1960an pun mendapat pencen. Saya berharap kepada Jabatan-jabatan lain macam saya katakan tadi misalnya KEMAS dan sebagainya patutlah kita buat kajian alakadar setakat yang berpatutan. Ini saya berharap sangat kerana pada pendapat saya, saya fikir pihak yang berkenaan pun patut menerima habuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Majlis Tempatan atau Majlis Bandaran sebagaimana yang saya katakan tadi, kita bersyukur kerana kita buat undang-undang. Elaun kita juga sudah naik, tetapi elaun bagi Majlis Tempatan juga Majlis Bandaran walaupun mereka ini dikuasai oleh Menteri, tetapi dengan kuasa Majlis Kerajaan Tempatan Negara saya berharap agar ditambahkan peruntukan pada tiap-tiap Majlis yang berkenaan khususnya kepada negeri-negeri yang diagarkan kurang maju. Saya merasa amat sedih setahu saya dan di tempat yang lain, boleh jadi kerana di Perlis kekurangan wang, sampai hari ini elaun mesyuarat kepada ahli Majlis Tempatan tidak dinaikkan sejak 10 tahun yang lalu sampai hari ini, bahkan kalau tidak silap saya daripada dahulupun \$100 sampai hari ini pun \$100 juga. Saya berharap kepada Kerajaan terutama Perbendaharaan dan Majlis Kerajaan Tempatan Negara mengisyitiharkan kalau boleh dinaikkan elaunnya kalau tidak sekali ganda pun sekurang-kurangnya 50%, tetapi kalau boleh dinaikkan 100% macam mana kita naikkan elaun kita. Saya Berharap perkara ini diambil perhatian yang besar kerana kita hendak Majlis Tempatan ini mendapat kebaikan kepada masyarakat dan saya berharap agar nasib kawan-kawan saya ini mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai percetakan negara. Sebagaimana kita tengok Pemangku Ketua Percetakan Negara juga banyak percetakan-percetakan yang kita cetak hari ini boleh dikatakan tidak mencukupi, kita terpaksa menggunakan alat percetakan daripada luar negeri. Saya harap perkara ini adalah harus di segi keselamatan dan berbagai-bagai segi lagi sesudah kita 25 tahun mencapai kemerdekaan, biarlah segala-galanya kita cuba ikhtiar mengadakan di negara kita sendiri, perkara ini adalah sebagaimana yang saya dengar dan apa yang disuarakan oleh Pemangku Ketua Pengarah Percetakan itu saya harap akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit di segi tender. Saya berharap kalau boleh pihak Perbendaharaan supaya membuat kajian dari satu-satu barang yang

hendak ditender itu dengan sehalus-halusnya, misalnya seperti yang berlaku pada Maggie Mee yang harganya sekian, naik sehingga berlipatganda. Jadi diharap syarat-syarat ini patut dikaji dahulu sebelum satu-satu tender akan dikeluarkan.

Kedua, kalau boleh segala tender-tender itu patutlah dipisahkan walaupun Kementerian mana sekalipun seperti Kementerian Pertahanan, Pelajaran, Perbendaharaan dan sebagainya. Saya berpendapat kalau dipecah-pecahkan itu membawa dua keuntungan yang besar, misalnya kalau kita mengikut Dasar ekonomi Baru (DEB) kita akan menyeimbangkan penduduk dalam negara kita, yang kita tahu sebagaimana kita selalu bercakap bumiputra kita boleh dikatakan kekurangan kalau hendak dibandingkan dengan golongan-golongan yang lebih baik di segi pelajaran, begitu juga di segi ekonomi. Walaupun kita beri berbagai-bagai subsidi, tetapi kita tidak menafikan kekayaan yang mudah didapati kepada golongan manapun iaitu melalui perdagangan perniagaan baik pun cara pemborong, industri dan berbagai-bagai lagi seperti cara bercucuk tanam ekonominya amatlah rendah, tetapi apakan daya itu terpaksa dibuat dan kalau tidak, golongan ini tidak bekerja, bukan sahaja mereka susah tetapi mengakibatkan kita juga susah. Dengan sebab itu apa yang Kerajaan beri subsidi dan sebagainya hari ini bukan sahaja bantu mereka tetapi membantu diri kita sendiri. Tetapi kita tidak nafi golongan yang dapat kekayaan banyak tidak lain dan tidak bukan golongan perniagaan, seperti saya katakan tadi cara industri, pemborong dan sebagainya, Jadi kalau boleh dipecah-pecahkan, Tuan Yang di-Pertua, diberikan kepada berbagai golongan khasnya kepada bumiputra.

Saya merasa dukacita kebanyakan tender-tender baik Jabatan mana sekalipun dicampurkan satu, dihindungkan satu, dibuat satu tender. Kemudian ada golongan lain pula yang mengambil tender, sub-kontraktor sebagaimana yang berlaku di setengah pejabat, keluaran tender daripada ibupejabat Kuala Lumpur dan perkara itu akan dibuat di Perlis misalnya di tempat askar, begitu juga di tempat-tempat lain sedangkan harga barang kalau hendak

difikirkan. Misalnya hari ini kedudukan harga daging setahu saya harga daging walaupun kadang-kadang boleh jadi masuk melalui sempadan sedikit-sedikit, ini saya tidak pernah nafi. Harga daging lembu, daging kerbau dan sebagainya kalau hendak dibandingkan di utara Malaysia khasnya di Perlis lebih murah daripada Kuala Lumpur, begitu juga harga beras dan sebagainya. Jadi amatlah pelik kalau tender itu dikeluarkan daripada sini, kemudian diberi sub-tender kepada orang sana ataupun apa yang ditender di sana tetapi barang diambil daripada Kuala Lumpur, jadi benda itu rugi kepada Kerajaan balik dan juga merugikan Dasar Ekonomi Baru, itulah yang kita patut fikir.

Begitu juga syarat-syarat, kadang-kadang saya tengok sesuatu tender dengan cara ekonomi bumiputra. Kadang-kadang setengah mereka yang membuat tender misalnya mencuci jalanraya, kontrak di sekolah dan berbagai-bagai perkara lagi dihadkan dalam masa satu tahun. Saya berpendapat kalau boleh syaratnya patut kita naikkan sampai 3 tahun sekurang-kurangnya kecuali kalaulah pihak penender atau pihak yang menjalankan tugas itu melanggar peraturan baru kita buat. Kalau tidak sampai 3 tahun cuma setahun kita akan tender semula, misalnya saya kata tadi akan mencuci jalanraya, mereka terpaksa membeli alat-alat. Begitu juga kepada perkara-perkara lain baik di segi tender sekolah terpaksa ada alat-alat. Jadi kalau setakat setahun, dia tidak berani hendak sediakan perkara ini, tidak sampai setahun apatah lagi misalnya saya kata dalam sekolah hendak membeli segala alat kelengkapan memasak dan sebagainya, inipun kalau hendak lengkap tentu memakan belanja beribu-ribu ringgit. Jadi kalau cuma setakat setahun beri jaminan selepas itu hendak kena tender semula, ini membawa dia tidak berani menyediakan. Begitulah disegisegi lain. Kalaulah dia tidak bertanggungjawab membuat satu kesalahan baik pun kepada sekolah, kepada JKR dan sebagainya; ini mestilah kita tarik sedangkan kalau tidak silap saya kalau tidak sampai setahun pun boleh kita tarik kalau seseorang itu tidak mengikut syarat yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kepada Kerajaan kita hari ini yang setahu

saya akan mengadakan Bank Islam di Kelantan satu hari nanti. Sebole-bolehnya benda ini patut diadakan diseluruh Malaysia iaitu di tiap-tiap pusat negeri kerana ini membuktikan kepada negara luar khasnya kepada negeri kita sendiri bahawa Kerajaan kita dapat menjalankan apa yang telah diura-urakan oleh pihak Kerajaan. Saya berharap pada pendapat saya bukanlah sahaja untung kepada bumiputra bahkan untung di segenap segi ada pihak yang tidak bertanggungjawab yang menuduh Kerajaan kita tidak mengambil berat hal ugama. Ini saya ini, t satu daripada alasan mereka ataupun satu daripada sebab mereka sendiri akan tahu apa yang telah kita buat hari ini. Saya haraplah perkara ini kalau boleh sebagaimana yang saya dengar akan diadakan di Kelantan patutlah diadakan juga di tiap-tiap negeri sekurang-kurangnya dalam Malaysia.

Begitu juga saya berpendapat tentang segi kewangan, kalau boleh biarlah tiap-tiap pejabat khasnya di pejabat kewangan dapat menutup perkiraannya sekurang-kurangnya sebulan sekali. Saya amat tertarik kerana saya tengok di bank walaupun saya tidak ada wang tetapi kadang-kadang kerana tidak ada wang pun terpaksa juga kerap pergi ke bank, saya amat tertarik kerana di segi bank baik mana sekalipun mereka terpaksa menutup kira-kiranya pada tiap-tiap hari bahkan pada tiap-tiap 6 bulan sekali walaupun ditutup pejabatnya pada pukul 11.30 pagi kalau tidak silap saya pada tiap-tiap 30hb Jun; begitu juga pada tiap-tiap akhir tahun, mereka mesti menutup kira-kira walaupun sampai 5.00 pagi segala kira-kira hendaklah lengkap. Saya percaya kalaulah begini kita dapat lakukan benda yang lama itu tidak payah kata yang sekarang, biasanya dikata kalau boleh kita kerjakan hari ini, jangan nanti esok. Saya agak tidak berlakulah sangat macam kita tengok baru-baru ini kitapun sedih yang mana kita hendak larang tidak boleh lagi, hendak jaga keselamatan wang Kerajaan baik pihak Parlimen sekalipun telah berjalan segenap tempat, telah berjalan segenap Jabatan, odit sana, odit sini, kita pun naik takut dan saya lebih bimbang lagi kadang-kadang pihak Pegawai-pegawai Kerajaan ini bukanlah membelanjakan wang itu untuk dia sendiri

tetapi boleh jadi kadang-kadang kerana silap teknik. Jadi kalaulah dapat kira-kira wang itu ditutup tiap-tiap hari sekurang-kurangnya tiap-tiap bulan saya yakin benda yang berlaku semacam itu harus payah akan berlaku lagi. Ini saya harap kalau boleh dilakukan oleh tiap-tiap pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan wang ini juga baikpun kita yang sihat apatah lagi yang telah berhenti kerja, baikpun pegawai khasnya buruh patutlah diambil berat oleh pihak Kerajaan. Saya amat sedih, saya dapat tahu setengah daripada pekerja-pekerja estate yang Kumpulanwang Simpanan Pekerjaanya (KWSP) tidak ada. Ada setengahnya tidak diberi oleh majikan, ini betul-betul berlaku di setengah tempat. Jadi saya berasa syukur dan terima kasih kerana Menteri Buruh pun ada di dalam ini, ini patutlah disiasat kerana apa yang saya kata ini negeri saya walaupun tidak luas, cuma ada dua tiga estet inipun kadang-kadang tidak adil dibuat oleh majikan. Saya berharap perkara ini akan diambil tindakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada sibaran am. Ini adalah kunci segala-galanya. Biarlah kita buat baik macam mana sekalipun kalaulah sibaran am kita tidak berjalan dengan baik, kata orang dakyah sebab perkataan dakyah ini selalu digunakan, begitu juga dalam iklan TV, misalnya Amanah Saham Nasional tiap-tiap malam ada "Makcik sudah melabur?" dan sebagainya kerana ini benda mustahak. Badan-badan perniagaan kadang-kadang menggunakan 3 minit sampai beribu ringgit dibayar, dicari siapa yang lebih cantik untuk iklan; macam-macam dibuat kerana iklan sibaran adalah satu perkara yang mustahak. Kalau perkara naik sekalipun kalau tidak ada siaran iklan, sibarannya tidak akan laku baik. Dengan sebab itu saya berharap sibaran am akan memainkan peranan yang penting baik pun Radio atau TV iaitu RTM. Pertama saya berharap Kerajaan akan menambahkan Pegawai Penerangan Luar kalau boleh macam KEMAS juga diadakan tiap-tiap satu kawasan negeri sekurang-kurangnya seorang dan diberi elaun yang agak berpatutan dengan keadaan masa.

Kita hari ini membuat bermacam-macam kebaikan, di segi pembangunan kadang-kadang ada orang yang dia tahu jadi sebab kekurangan macam mana saya katakan tadi walaupun kita ada sibaran am seperti radio dan sebagainya tetapi ada setengahnya walaupun ada TV, ada radio tetapi ada masa yang dia hendak dengar radio apa yang dia suka di segi hiburan, ada setengah cara tidak bersesuaian dengan dia. Walau macam manapun saya mengucapkan tahniah kepada RTM, Radio dan TV Malaysia yang pada petang semalam ataupun kata orang-orang Perlis pada hari kelmarin; 1hb Muharram, tahun Hijrah 1402 diadakan berbagai-bagai acara yang bersesuaian dengan Awal Muharram, 1 Hijrah, 1402. Jadi saya berharap kepada RTM hendaklah diadakan demikian rupa pada tiap-tiap hari yang bersesuaian dengan hari kebesaran masing-masing. Misalnya, kalau di hari Deepavali disesuaikan Deepavali tetapi saya ingat hari itu sudah bersesuaian walaupun pada malamnya sepatutnya ada Wrestling tetapi dia tunjukkan tarian yang sesuai dengan Deepavali agak saya hampir 2 jam kerana saya ini mengikut siaran TV kadang-kadang. Begitulah saya harap pada Hari Raya Puasa, Hari Raya Aidil Adha atau Hari Raya Haji biarlah kalau boleh pada Hari Raya Haji atau Hari Raya Aidil Adha, biarlah bersesuaian dengan Hari Raya yang disiarkan oleh TV. Begitu juga pada Hari Raya Aidil-Fitri. Tetapi kadang-kadang selain daripada takbir pada malamnya ataupun pagi waktu sembahyang, diaturkan rancangan Hari Raya, hari kebesaran yang saya kata tadi tidak bersangkutan langsung. Walau macam manapun disiarkan rancangan-rancangan yang diimport daripada Amerika dan lain-lain negeri penuh dalam rancangan TV.

Kadang-kadang biasa dikata orang, malam kelmarin ada seorang hamba Allah, "eh", katanya, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan perkataan yang dia kata tepat, "kalau orang tidak tahu, orang kata kita ini sepintas lalu seolah-olah kita ini macam duduk di London", kerana rancangan TV kita boleh dikatakan penuh sungguh dengan rancangan-rancangan yang ceritanya yang diimport seperti yang saya katakan tadi yang boleh dikatakan menggunakan bahasa

lain langsung daripada Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Melayu. Kalau adapun selepas pukul 8.30 malam Warta Berita, Peristiwa disulam dengan Sejarah Hari Ini, Kemudian hari Ahad malamnya Drama begitulah kadang-kadang malam Jumaat Sinaran atau Syarahan Agama. Lain daripada itu selepas pukul 9.30 atau 10.00 boleh dikatakan tiap-tiap malam itulah yang ada dalam TV Malaysia. Saya merayu pihak sebaran am, RTM membanyakkan sedikit rancangan yang saya katakan itu. Apa yang saya katakan ini selalu dalam ruangan pembaca dikehendaki oleh masyarakat.

Saya merayu sangat-sangat daripada pihak RTM supaya dipenuhi sedikit walaupun cerita Cowboy dan berbagai-bagai cerita lagi yang tertarik kepada orang-orang muda tetapi banyakkann sedikit perkara yang menggunakan Bahasa Kebangsaan dan lebih tegas seperti saya katakan tadi hari kebesaran, hari raya yang berkenaan biarlah disesuaikan dengan hari yang berkenaan, janganlah Hari Raya Aidil Fitri, Hari Raya Aidil Adha seolah-olah bukan hari itu selain daripada takbir. Ini saya harap sangat-sangat kalau boleh menjelang tahun akan datang baik hari kebesaran apa sekalipun biar penuh rancangan pada hari itu seboleh-bolehnya dengan hari itu. Tetapi kalau tidak silap saya dua tahun yang lepas dan sebelum kita merdeka dahulu banyak sedikit rancangan-rancangan yang bersesuaian tetapi akhir-akhir ini saya tidak tahulah mungkin zaman sudah moden, zaman sains dan teknologi ini, kita fikir rancangan-rancangan itu sudah tidak berguna lagi, tetapi ini saya fikir mustahak jika ia hari raya.

Kedua biarlah disesuaikan dengan masa, misalnya, Bimbingan Ugama kalau tidak silap saya tidak sesuai, selepas sahaja azan Maghrib, Nasyid, tidak berapa minit, kalau masa ada Bimbingan Ugama pun setengah daripada golongan kita betul-betul yang dia ingin hendak dengar, selepas dia sembahyang Maghrib, dia juga akan sembahyang sunat Maghrib, zikir ala kadar apa yang berpatutan, jikalau dia hendak cepat-cepat sembahyang sebagai patuk ayam tidak sempurna, apa yang dia patut buat dia tidak sempat hendak mengikuti Bimbingan Ugama yang saya katakan tadi kerana masanya itu terlampau

dekat. Biarlah masanya dijauhkan dan disesuaikan sedikit dengan keadaan yang berpatutan. Ini apa yang saya suarakan ini adalah apa yang disuarakan oleh segenap masyarakat dan saya fikir apa yang saya katakan ini berpatutan. Dengan sebab itu, saya merayu pihak berkenaan patut dikaji apa yang saya katakan tadi.

Saya harap sangat-sangat kepada RTM menyebarkan segala peristiwa yang sedang berlaku. Misalnya tentang hire purchase membeli motokar dan sebagainya, kadang-kadang setengah pihak berkenaan hutangnya tinggal sebulan, syarikat hendak tarik keretanya, ada setengah pihak kata pihak Peguam kata sekian-sekian bulan baharu selesai. Biarlah perkara-perkara ini jangan beri orang kampung takut, diterangkan segala-gala yang berlaku. Begitu juga kenaikan cukai baru-baru ini. Cukai ini baik, tahun ini tidak naik, tetapi yang sedihnya kadang-kadang kalau kita kata Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah membentangkan dalam Dewan kenaikan cukai misalnya untuk 1981 itu biasa berlaku pada tahun-tahun yang lepas, pihak berkenaan sudah menaikkan, dia dengar sahaja dia naikkan walhal benda itu tidak naik lagi, ini biasa berlaku. Saya sendiri pun tidak tepat cuma saya berharap kepada pihak RTM menerangkan perkara ini sejelas-jelasnya kepada masyarakat umum melalui TV dan Radio, biarlah kalau boleh perkara itu patut diulangkan untuk menjadi kedengaran umum seluruhnya. Ini saya harap sangat-sangat daripada pihak RTM yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada segi sukan. Ini amat penting kepada negara. Saya amat sedih tentang Jubilee Perak Bolesepak yang jelas ditaja oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Bapak Kemerdekaan kita yang mengadakan stadium yang pada tahun ini tahun yang ke 25 menjadi Jubilee Perak, kalaulah kita tidak dapat johan pun dapatlah masuk ke pertandingan akhir. Tetapi malangnya separuh akhirpun kita tidak dapat. Kita berasa amat keciwa dan sedih.

Dalam segi sukan kita mesti ada semangat kesukanan, alah menang adat permainan tetapi tiap-tiap alah ada sebab, tiap-tiap

menang ada sebab. Saya berasa dukacita saya harap pihak Kementerian mengambil tahu sama perkara ini walaupun ada FAM yang bertanggungjawab tetapi hendaklah pihak Kerajaan juga mengambil perhatian yang besar kerana daripada sukan ini membawakan perkenalan satu-satu kaum dengan satu kaum, satu negara dengan satu negara tetapi walau bagaimanapun saya berharap dalam Dewan yang mulia ini supaya biarlah semangat kebangsaan itu patut ditanam kepada tiap-tiap rakyat yang ada dalam negara itu. Kerana dengan sukan mendapatkan wang banyak, dengan sukan membawa perkenalan di antara satu negara dengan satu negara dan dengan sukan juga kadang-kadang dapat kita membayangkan kesetiaan satu-satu rakyat dalam negara itu kepada negara itu sendiri. Saya amat sedih setahu saya dalam pertandingan Bolasepak Jubilee Perak yang lepas ada satu pasukan yang datang berlawan dengan negara kita, kita mesti beri keadilan, tetapi nampaknya ada satu kaum seolah-olah memberi sokongan moral bukan kepada negara tetapi kepada bangsa. Ini saya harap sangat-sangat di mana kita duduk di situ patut kita berdiri, buat kata pepatah "di mana bumi kita pijak di situlah langit yang kita junjung". Ini saya harap sangat kerana dengan sukan ini akan membawa semangat sukan, semangat kewarganegaraan, semangat kenegerian, jangan ada semangat perkauman.

Saya harap seperti saya katakan tadi pihak Kementerian hendaklah mengambil perhatian yang serius di segenap segi, baik di segi membangunkan sukan, kalau negara-negara luar dapat mengadakan pasukan yang tetap, pasukan yang khas dan sebagainya, saya berpendapat Malaysia patutlah adakan demikian. Bagaimana kita hendak kuat, kadang-kadang kita ini orang luar, biarlah orang luar, pihak Jawatankuasa sendiri kadang-kadang saya pun berasa sedih masa menang dipuja-puji, diberi jam kerana main sudah 200 kali, besok bila mereka itu kalah sekali dibuang habis, cuba latih kumpulan baru, hari mula bertanding menang, besok kalah tidak diambil, kemudian dipujuk. Inilah yang berlaku dalam negara kita. Kalau macam inilah sikap kita, bila pun kalah. Jadi kita tidak nafi sukan selain daripada sihat badan, pergaulan dan boleh mendapat wang.

Banyak orang kaya dengan sukan kerana manusia dia seronok, dia suka hendak lihat sukan apatah lagi bolasepak.

Kalau satu permainan yang maju saya lihat dalam akhbar Pertandingan Bolasepak Piala Dunia kalau tidak silap saya mereka dapat kumpulkan berpuluh juta ringgit. Tetapi orang akan tertarik dengan permainan yang bagus, permainan yang bagus tidak akan jadi kalau tidak ada persediaan yang baik. Saya tidak mahulah kata Jurulatih yang ada hari ini tidak baik, segenap segi, masa, latihan, tetapi biarlah beri keistimewaan yang berpatutan, janganlah masa hamba Allah itu menang dipuji-dipuja macam saya katakan tadi, bila kalah dicaci. Biarlah orang ramai caci tetapi yang saya sedih turut mencaci sama pihak berkenaan sehingga dibuang habis mereka, lepas itu diambil lain seperti saya katakan tadi.

Perkara yang macam ini, saya berharap jangan berlaku di masa hadapan. Kita selalu bertanding; baik kita bertanding di Indonesia, piala Raja Thai yang dijadualkan berlangsung pada bulan September yang akan datang, begitulah pendek kata dari satu masa ke satu masa ada sahaja pertandingan, khasnya bola sepak. Saya berharap pihak Kementerian akan mengambil inisiatif bersungguh-sungguh untuk memajukan sama di samping FAM yang saya dapat tahu pada tahun ini tidak berapa untung sebab kurang penonton, kurang penonton disebabkan permainan bolanya lekeh khasnya permainan negara sendiri. Orang ini macam mana dia hendak tengok, dia hendak tumpukan kepada permainan negaranya sendiri. Setahu saya ini adalah salah satu sebab yang membawa kerugian. Jadi saya berharap sangat apa yang saya katakan ini diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga pada pendapat saya kementerian ini patut mengambil berat daripada kecil sampai ke besar, maknanya daripada negeri sampai negara. Saya bersyukur kepada Tuhan dan saya tengok hari ini boleh dikatakan tiap-tiap bangunan Tepian Gelanggang yang diadakan oleh Kerajaan mendapat sambutan daripada muda-mudi.

Tuan Yang di-Pertua, manusia dia tidak boleh buat satu masa kalau dia ke hulu dia juga akan ke hilir. Misalnya Shaari ini dia duduk berdiri tidak boleh duduk, kalau Shaari duduk dia tidak boleh berdiri dan kalau dia duduk juga jadi pelek. Jadi pemuda pun semacam. Kalau dia sudah bergaul cara baik, cara kesukanan cara baik, dia tidak akan pergi cara yang tidak baik. Oleh itu, kita harus membanyakkan macamana kita buat hari ini sukan, pergaulan dan sebagainya, cara yang tidak melanggar atau merosakkan negara. Jadi macam mana saya katakan tadi Tepian Gelanggang diguna sungguh-sungguh oleh pemuda-pemudi untuk kemajuan yang agak tidak keterlaluan. Tetapi saya tidak bersetuju kalau Tepian Gelanggang digunakan untuk benda-benda yang tidak menasabah, seperti mengadakan tarian cara barat yang menjolok mata kononnya kita ini bertambahan dan berkemajuan, biarlah ala kadar yang sepatutnya.

Dari segi permainan sukan yang lain saya sokong. Dengan sebab itu, saya berpendapat Kerajaan patut mengadakan di tiap-tiap kawasan sekurang-kurangnya di satu kawasan Parlimen, satu sebagaimana Tepian Gelanggang yang diadakan di tiap-tiap negeri macam mana hari ini di Perlis ada satu, di Johor ada, Pulau Pinang ada, tetapi seboleholehnya biar ada satu di tiap-tiap kawasan Parlimen, dan kalau boleh mengikut kemampuan yang ada pada Kerajaan biar diadakan satu di kawasan negeri yang agak terpencil dijaga dengan rapi. Saya percaya, inilah satu tarikan, kita pada hari ini tidak mahu pemuda menghisap dadah itu dan ini; kalau ada pemuda ini tertarik ke jalan kemasyarakatan, perpaduan, kesukanan cara baik dengan sendiri dia tidak pergi ke sana. Saya berharap sangat Kerajaan hendaklah mengambil perhatian atas apa yang saya katakan tadi.

Begitu juga saya berharap di segi permainan asli sebagaimana di Perlis hari ini, negeri lain ada cara-cara lain, tetapi di Perlis ada Awang Belanga, Selampit dan sebagainya, patutlah Kementerian ini mengambil berat. Kadang-kadang kita cari permainan yang datang daripada barat, sedangkan permainan asli yang ada dalam negara kita mengikut cara negeri masing-masing tidak diambil berat oleh

pihak-pihak yang berkenaan iaitu pihak Kerajaan. Oleh itu saya berharap sangat kesenian semacam ini diambil berat dan diberi keistimewaan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sukan bagus dan segala-galanya bagus, kebahagiaan tidak ada sekiranya kita tidak ada dalam keadaan selamat. Jadi keselamatan adalah satu perkara yang amat penting. Walau bagaimana kita banyak wang sebagaimana yang berlaku seperti saya katakan tadi \$100,000 pun kalau dirompak, kita tidak boleh buat apa-apa. Kita hendak keselamatan, itu adalah salah satu syarat sebagai hendak menjadikan kebahagiaan kepada manusia. Dengan sebab itu saya berharap Kerajaan akan memberi keistimewaan kepada anggota-anggota keselamatan, mengkaji elaun mereka dari satu masa ke satu masa baikpun Askar begitu juga Polis. Kita selalu berseru kalau boleh ada setengah negara disyaratkan tiap-tiap orang daripada negara itu tahu dan hendaklah menjaga tanahair dia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang kita yang ingin menjaga tanahair tetapi biarlah orang itu tahu cara menjaganya. Misalnya cara memberitahu rahsia kepada Kerajaan seperti RELA dan sebagainya, kalau ada berlaku peristiwa peperangan hendaklah dia menggunakan senjata. Kalau satu-satu orang tidak tahu menggunakan senjata, sebab itulah saya bersetuju dengan setengah-setengah pihak Polis kalau kita hendak minta senjata dia tidak beri, dia kata hendak jaga senjata itu amat susah, biar tidak ada senjata pula. Jadi jawabnya, kita hendak kalau boleh biarlah negara kita kebanyakan anak mudamudi kita yang jadi Askar memang ada latihan, yang jadi Polis memang ada latihan tetapi yang masuk cara sambilan, sukarela misalnya Tentera Wataniah.

Saya amat sedih, saya sendiri pernah menjadi Askar Wataniah atau Tentera Tempatan, elaun latihannya di masa yang lepas sebulan kalau tidak silap saya hampir \$40 atau \$37-\$39. Saya amat terkejut, mengikut kata kawan-kawan saya yang masih lagi dalam Askar Wataniah kalau dipanggil 100, tidak datang lebih daripada setengah. Saya bertanya mengapa keadaan ini berlaku, dia

kata tiap-tiap manusia dia pandang juga pada wang, walaupun dia hendak berkorban kalau orang lain pergi mesyuarat dan pergi berlatih ada elaun, yang dia sebulan tidak boleh dapat \$20, kalau tempat jauh boleh jadi \$20 kalau tempat dekat tidak boleh, siapa mahu datang berlatih? Saya berharap dan merayulah kepada Kerajaan kerana pentingkan keselamatan, di samping Askar dan Polis itu dapat kita menimbangkan semula elaun dan kenaikan gaji mereka, Askar Wataniah ini pun patutlah kalau tidak boleh mengikut cara macam mana saya katakan tahun 1970an itu pun, kalau tidak boleh dinaikkan pun janganlah dikurangkan, seperti kata orang ini di luar daripada masa, tidak patut sangat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi hendak berucap? Kalau boleh Yang Berhormat tolong tumpukan kepada dasar.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Jadi macam saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, patutlah ini diambil berat kalau kita hendak jaga keselamatan, orang yang tahu dari segi keselamatan kita ambil berat betul-betul.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, tatatertib adalah satu perkara yang cukup istimewa. Biar walau macam manapun kita buat kerja bagus, dalam segi apa sekalipun, tatatertib satu syarat yang utama kepada tiap-tiap pekerjaan, Askar baik, Dewan kita baik, memandu motokar baik, ibadat baik; buat kerja macam mana bagus sekalipun kalau tatatertib tidak ada, peraturan tidak ada kerja itu tidak akan berjaya.

Tatatertib adalah satu syarat yang mesti diikuti. Saya berharap sangat-sangat kepada Askar dan Polis tempat yang kita harap inilah orang yang akan menjaga keselamatan sebagaimana saya katakan tadi, elaun mereka patut kita naikkan, keistimewaan patut kita beri, biarlah tatatertib mereka ini tinggi.

Saya amat sedih, pada hari di mana Pertandingan Nashid Peringkat Kebangsaan telah berlaku di Perlis dan malam itu juga ada Pasar Malam di pekan Kangar berlakulah pergaduhan antara Polis dan Askar sehingga membawa pihak Askar di Kuala Lumpur datang menyelesaikan, begitulah pihak Polis juga setahu saya sehingga berlaku tembak menembak walaupun tidak atas kepala tetapi

tembak kaki kena juga menggunakan senjata.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi. Patutlah ada semangat walaupun saya biasa bercakap dengan seorang kawan katanya kami diajar oleh Askar mesti berani, mesti ada group. Pendek kata kalau group kami betul tidak betul pun mesti tolong. Begitulah pihak yang satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita disuruh bersatu-padu. Kita disuruh berpuak-berkumpulan bukan berpuak-tetapi berkumpul untuk kebaikan. Dalam ibadat berkumpul bersama pahalanya lebih. Dalam berpakat dan berkumpul membuat kerja baik mendapat manafaat banyak tetapi yang menjahanamkan negara ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang berkumpul membuat satu perkara yang pada pendapat kita tidak patut dan tidak adil. Jadi saya haraplah jangan ada satu perasaan, kalau kawan aku betul atau tidak betul, kalau bukan kawan aku kalau betul pun tidak betul. Saya haraplah tariklah perasaan itu kerana askar dan polis tempat harapan negara. Kalau mereka sama mereka biasa bergaduh macamana sudah berlaku banyak kali, Tuan Yang di-Pertua, saya dengar sendiri biasa dia kata kami polis, kata askar kami askar. Saya mengaku tabiat manusia kalau dia berperang dengan musuh luar dia bersatu-polis dengan askar. Misalnya, saya tengok cerita di hujung pedang Hasan dengan Husin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tak usahlah cerita pedang semua sekali Yang Berhormat. Teruskan kepada Belanjawan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, saya contohkan sedikit, minta maaf. Bila sudah masuk musuh lain dia akan menghadapi musuh, dia akan tinggalkan bergaduh dengan adiknya. Begitulah saya percaya polis dengan askar tetapi walau bagaimanapun biarlah jangan ada perasaan yang semacam itu. Biarlah ada tatatertib dan sopan-santun.

Hari ini saya bersyukur kepada Tuhan agak saya, itupun saya tidak mahu kata tepat, agak saya sudah kurang cara istimewa masa yang lepas, misalnya minum-minuman keras. Kalau di tempat askar itu minuman tidak

kena cukai-murah dan sebagainya yang banyak orang yang bukan askar pun pergi tumpang minum di situ tetapi saya percaya sekarang ini sudah tidak ada. Pegawai-pegawai askar saya percaya sudah tidak minum dan sudah tidak bersetuju dengan apa yang berlaku itu. Jadi saya harap sangat-sangat benda ini jangan ada berlaku lagi.

Yang kedua hendak ambil askar inipun saya berharaplah patut dikaji. Ambillah surat berhenti sekolah, kita hendaklah tengok kelakuan murid itu, yang saya kata ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah kenyataan. Ada seorang guru menyatakan kepada saya mengapa tidak buat cara begitu, dia kata, saya tahu 2 orang murid saya. Saya buat satu dailog, ini cerita benar berlaku. Pada 6hb September yang lepas kata seorang macamana tidak berlaku ini, saya tahu ada 2 orang murid saya minta masuk askar. Yang seorang suka mengacau dan bergaduh dapat masuk askar, yang seorang lagi itu kelakuannya dalam surat berhenti sekolah, budak ini kelakuannya amat baik tetapi tidak dapat. Fasal inilah puncunya selalu bergaduh kerana kerap kali dia tidak tengok surat berhenti sekolah tentang kelakuan dan sebagainya. Kata pihak askar sukarela berpangkat pegawai, tidak payah saya sebutkan namanya, memang katanya dalam askar diambil mereka yang mahu bergaduh. Saya kata inilah puncunya. Pada pendapat saya, kita hendaklah berani tetapi kata pepatah—sayapun tidak ingat—dia kata, berani sejati bukan berani bergaduh, berani sejati, berani mengikut keadaan yang tertentu. Orang yang paling baik yang dia boleh sabar daripada marah. Hadith kita pun ada berkata: kalau orang boleh marah tetapi janganlah jadi penakut. Hadith itu kalau tidak silap saya tengok dalam Utusan Melayu, berapa haribulan, saya tidak ingat. Mengikut Hadith sahih kata Utusan Melayu siapa dapat menahankan marah bersungguh-sungguh tetapi jangan jadi penakut dia akan dapat anak bidadari banyak di akhirat. Tetapi kalau kita berani dengan tidak tentu arah, ini bukan syarat berani. Jadi, saya harap sangat-sangatlah patut diambil perhatian sungguh-sungguh oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba ringkaskan ucapan seberapa yang boleh.

Polis dan askar adalah tempat diharapkan oleh Kerajaan dan rakyat untuk menjaga keamanan. Orang bersalah ditangkap, motokar yang bersalah ditangkap tetapi saya berharaplah kalau motokar yang salah itu ditangkap carilah penyelesaian yang seberapa cepat yang boleh. Jangan kadang-kadang sampai berpuluh-puluh tahun sehingga jahanam. Bicara punya bicara lama-lama buang kes apa hendak buat dan hendak beri balik sudah tinggal rangka. Carilah satu jalan apa cara yang boleh dibuat, biar dia pakai dahulu. Ini banyak berlaku dan boleh dikatakan tiap-tiap tempat. Ada Balai Polis di Perlis berpuluh biji motokar yang hari ini ditangkap, simpan di situ sampai berbulan-bulan, bertahun-tahun tidak dibicarakan, akhirnya jadi bangkai motokar. Ambil satu syarat yang agak pihak yang berkenaan tidak rugi dan pihak Kerajaan pun boleh dapat untung yang banyak dengan buat satu-satu cara, janganlah biar macam saya katakan tadi berkekalan macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap hal Perlis yang benda ini saya fikir patut iaitu biarlah kalau negeri tetap negeri. Ketua Kerajaannya ada macam hari ini di Perlis ada di segi Ketuanya—Menteri Besar, Ketua negerinya, Ketua Kerajaannya iaitu Rajanya. Saya bukanlah tidak bersetuju hendak disamakan dengan Kedah tetapi saya ingat patutlah diasingkan baik jawatan apa sekalipun, Ketua Imigeresen, Ketua Polisnya. Setakat hari ini satu-satu kes, tidak boleh hendak diselesaikan dengan mudah kerana walau bagaimanapun kes Perlis terpaksa bawa ke Kedah dahulu. Saya tidak kata Kedah menganaktirikan Perlis sebab Kedah dengan Perlis adalah satu negeri yang berhampiran, negeri yang baik dan setahu saya di antara pemerintah dengan sama pemerintah baik peringkat Ketua Kerajaan dan Ketua Negerinya baik satu dengan lain; saya fikir tidak patut, kerana sudah lama sangat yang Perlis hari ini setahu saya kalau tidak silap dalam negara Malaysia kita ini tempat yang tidak ada Ketua Polis Negerinya sendiri dan lain-lain negeri semuanya ada. Walaupun pangkat Ketua Polisnya itu tidak sama. Saya percaya, taraf pangkat jawatan Ketua Polis itu saya tidak tahulah ASPkah, saya tidak tahu dalam Polis ini cuma saya tahu setakat koperal, sarjan lebih daripada

itu saya pun tidak tahu. Tetapi saya percaya di antara satu negeri dengan satu negeri jawatannya tidak sama, tarafnya tidak sama tetapi tentang segi ketua negeri adalah hak Ketua Negeri. Misalnya, saya selalu contohkan guru besar sekolah....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat potong sedikit bunga-bunga ucapan Yang Berhormat terlampau banyak perkara-perkara yang patut dibawa dalam Jawatankuasa. Di sini tumpukan kepada dasar sahaja.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi, macam saya katakan tadi, biarlah Ketua Polis Perlis ini patut diadakan dengan seberapa cepat yang boleh. Di samping itu juga untuk menjaga keselamatan di kampung, kalau di bandar saya kata tadi ada Rukun Tetangga. Di kampung saya dapat tahu ini daripada Menteri Sendiri, beliau kata pegawai keselamatan tidak cukup. RELA lah diharap tempat menjadi mata dan telinga Kerajaan. Jadi saya harap, RELA ini kalau boleh dibesarkan lagi, seboleh-bolehnya semua orang ditarik masuk RELA dan diberi latihan yang agak cukup bersesuaian sebagai RELA kerana orang hendak menolong menjaga keselamatan dalam tanahairnya sendiri. Tetapi, kalaulah dengan Rukun Tetangga yang bekerja pada malamnya dan siang harinya dia diberi cuti, ini nampaknya dia ada satu pendapatan cara tidak langsung. Saya berharap patutlah juga kepada ahli RELA ini diberi saraan dan elaun yang berpatutan walaupun mereka ini untuk menjaga kampung tetapi kepada mereka juga kita fikirkan. Yang kedua, saya berharap juga kalau boleh dibuat dalam bandar juga. Dalam kampung orang patut masuk RELA, Ada setengahnya yang dia agak senang sedikit dia tidak mahu jaga sedangkan orang susah dia sanggup jaga, tetapi orang macam ini, pihak Kerajaan patutlah mengambil satu tindakan atupun memberi amaran supaya dia hendaklah bertanggungjawab bersama. Inilah harapan, saya berharap dengan jalan ini boleh jadi satu kebaikan untuk menjaga keselamatan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya sedikit kepada petani dan juga nelayan. Saya amat sedih walaupun Kerajaan kita hari ini

memberi berbagai-bagai peruntukan bantuan tetapi masih nelayan ini kedudukannya amat sedih. Mereka ini, terutama di Perlis setahu saya, kalau mereka menangkap ikan yang berhampiran dengan sempadan ikannya tidak ada. Kalau agak yang jauh sedikit ke tengah laut mereka berjumpa dengan pihak lanun. Ini menunjukkan kedudukan mereka ini terancam. Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat kepada pihak Kerajaan, Jabatan Kastam ataupun Polis supaya mengawasi laut, tempat-tempat yang nelayan itu mencari makan dan sebagainya. Ini sediakala berlaku seperti menyamun dan merompak hak harta-harta nelayan, ini amat berlaku terutama di Kuala Perlis, walaupun saya jauh sedikit daripada Kuala Perlis ini diceritakan oleh pihak yang berkenaan sendiri. Saya berharap sangat-sangat pihak Kerajaan mengawasi dan kalau boleh pihak Kastam atau Polis mengadakan rondaan dan biarlah kalau boleh dengan alat yang agak lengkap kerana pihak lanun setahu saya hari ini kalau kurang kita membuat rondaan, baik disegi kenderaan mereka lebih laju begitu juga disegi senjata dan sebagainya. Jadi apa yang saya bercakap sediakala berlaku dan telah berlaku. Saya berharap kalau boleh di masa yang akan datang tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucap terima kasih kepada Kerajaan untuk hendak menjaga supaya tanah jangan dijadikan laut dengan mengadakan pagar, misalnya di Kuala Perlis ataupun di Sungai Bembang, tetapi agak saya perkara ini adalah secara jangka pendek. Di samping itu agak saya, saya tengok di sempadan, saya biasa pergi sekali kalau tak silap di Setoi, untuk menjaga tebing macam mana selalu kita buat, bak kata pepatah, aur dengan tebing, maknanya kalaulah tebing itu ada satu pokok, tebing itu pun boleh hidup dan pokok itu pun boleh hidup. Jadi saya yakin kalau boleh ditanam di tepi-tepi pantai seluruhnya dengan pokok-pokok yang agak mencantikkan pantai dan menahankan tebing itu membawakan daratan-daratan bumi ini tidak akan jadi laut terlampau banyak. Ini biasa berlaku di tempat-tempat walaupun Kerajaan hari ini telah tanam batu dan sebagainya tetapi dalam jangka orang yang di tepi pantai, dia mengatakan cara yang macam ini harus tak akan berpanjangan, tetap juga ombak itu

menolak, akhirnya tanah itu akan jadi laut balik. Tetapi kalau dibuat macam saya syorkan tadi, iaitu dibuat sempadan, pantai pun cantik, keadaan tanah pun tidak akan jelik lagi. Jadi kedua-duanya menjadi kebaikan kepada kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, beralih juga saya dari segi pertanian, nelayan dan sebagainya. Saya tak bercakap lagi di segi pertanian padi. Di Perlis dan saya percaya di negeri-negeri lain amat sedih kerana tahun ini telah menjadi satu tahun yang agak kemarau panjang, tetapi walau macamanapun, kalaulah keadaan tanah tidak begitu kemarau sekalipun, semangat untuk menjadi penanam padi macam saya kata di awal-awal ucapan saya tadi sudah kurang kerana segi ekonominya tidak begitu bagus, cuma menjadi tradisi kepada masyarakat kena tanam padi tetapi ekonominya semua orang tahu tidak begitu baik. Dengan sebab itu saya berharap sangat kepada Kerajaan harga padi ini walaupun diberi subsidi dan sebagainya saya berpendapat patutlah ditingkatkan semula, kalau bolehlah dinaikkan had daripada yang ada pada hari ini. Ini selalu dicakap kerana barang-barang naik, segala-galanya naik, walau macamanapun sekalipun kalau dengan kenaikan, saya fikir bukan menjadi merosot lagi, orang lain banyak berusaha. Setakat hari ini sesudahnya keadaan tanah tidak begitu baik, bertambah-tambah pula harganya murah, orang yang hendak tanam itupun dia tanam setakat kegunaan dia sendiri ataupun setengahnya berpendapat dengan harga padi dia tidak mahu tanam padi, dia lebih senang beli beras. Ini saya harap sangat mendapat perhatian daripada Kerajaan.

Satu lagi yang saya sedih ialah keadaan LPN dengan pertanian, LPN menetapkan harga padi dan beras, yang pertanian ini Jabatan mengeluarkan hasil daripada pertanian, khususnya padi. Satu pihak cara tanaman dan yang satu pihak cara jualan; yang lain di segi pemasaran, yang lain pula disegi pengeluaran. Saya berpendapat kalau boleh kedua-dua ini disatukan, dalam Menteri mana itu terpulang, kedua-dua ini disatukan di bawah satu Kementerian. Biar pemasaran macam kita buat FAMA, cara

pengeluaran daripada FAMA pun orang itu, yang Kementerian pun juga di situ. Saya tidak mahu sentuh Kementerian mana, itu terpulanglah kepada Kerajaan sebab ini rumit. Harga padi ditetapkan sekian harga, padi tak basah pun dipotong, ini disungutkan oleh pihak yang berkenaan sedangkan masa yang tak patut ini berlaku. Jadi saya harap sangat-sangat kalau boleh biarlah bersesuaian kedua-dua sekali.

Yang kedua, saya berharap kepada LPN melengkapkan dengan alat-alat yang cukup kerana ini saya berasa sedih kadang-kadang orang terpaksa pergi ambil terlampau jauh, macam di Perlis terpaksa pergi ke Kedah, kalau harga di Perlis ini kata berlainan sedangkan sama-sama LPN, inilah masalah yang ditanggung oleh masyarakat petani. Saya haraplah perkara ini patut dikaji sungguh-sungguh oleh Kerajaan, apatah lagi pada tahun yang akan datang keadaan metrik kita akan lakukan sedangkan setengahnya cara pikul pun tidak begitu faham sehingga boleh ditipu. Jadi saya berharap sangat-sangat kalau boleh Kerajaan menyelaraskan perkara ini, kalau di kilang gunakan metrik, di kampung pun biar gunakan metrik juga, biar semua selari. Janganlah ada peluang yang akan mengambil untung daripada petani yang begitu teruk kerana daripada timbangan inilah kadang-kadang walaupun dalam timbangan ini kita kata kecoh dan aniaya ini tidak baik tetapi biasa dilakukan oleh banyak golongan. Jadi saya berharap sangat-sangatlah perkara ini patutlah Kerajaan meneliti dengan sesungguhnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam hasil-hasil pertanian. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana Kerajaan telah memberi berbagai-bagai bantuan, termasuk benih, racun serangga dan sebagainya tetapi kadang-kadang tidak bersesuaian. Satu benda ini bersesuaian, itu mustahak. Kalau kita beri orang tidur yang bukan masa tidur, walaupun bantal cantik kadang-kadang orang tidak boleh tidur, misalnya seseorang sudah lena cukup tengah malam, esok pukul 9 pagi hendak suruh tidur walaupun ada katil dan bantal cantik, tidak boleh tidur. Begitu juga tanaman, dia beri benih macam mana baik, kalau tempat yang hendak ditanam itu sudah tak ada air hendak ditanam apa. Dia terpaksa

guna benda lain. ini berlaku. Jadi saya berharap sangat-sangatlah kepada Kementerian ini mengambil berat atas apa yang saya kata, kerana apa yang saya kata ialah ada kenyataan. Tetapi saya tidak hendak sebut itu dan sebab saya pun salah seorang daripada petani yang saya tahu apa yang saya kata tadi ialah benar. Jadi saya berharap sangat-sangat pihak yang berkenaan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Saya akan bercakap ringkas, seringkas-ringkasnya.

Tuan Yang di-Pertua, seronok saya dengar di Kedah ada KADA nya, iaitu Badan Berkanun yang hendak memajukan Kedah. Di Kelantan cara Kelantan, di Johor dan sebagainya dan di Perlis saya tak nafi sebahagian daripada Perlis dan kawasan MADA, tetapi sekerat. Jikalau boleh dibuat rancangan KADA di Kedah, saya berharap patutlah juga di Perlis dicarikan satu kesesuaian yang agak baik kerana hari ini khasnya di Perlis Utara, di kawasan saya keadaan ekonomi rakyatnya amat terjejas, apatah lagi dengan kedudukan harga getah yang begitu menurun, tetapi saya percaya kalau ada satu perancangan yang akan dirancangkan oleh pihak Kerajaan, ini boleh menambahkan hasil yang baik. Saya harap sangat-sangat pihak Kerajaan memikirkan macam mana saya katakan tadi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan sebagaimana dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan akan memberi berbagai-bagai subsidi kepada pekebun-pekebun dan telah memberi subsidi kepada petani melalui cara pertanian dan sebagainya. Tetapi ada satu masalah yang amat sedih, misalnya pada Belanjawan tahun yang lepas tanaman semula getah daripada \$1,200 dinaikkan \$2,200. Jadi kata orang pekebun kecil, macam mana keadaan kami, macam tikus tengok besi ataupun tengok benda dalam cermin, hendak ambil tak boleh sebabnya tanah kami tak bergerak, hendak ambil tanaman semula ini kena bergerak, hendak ambil subsidi kena bergerak itu, bergerak ini, ini berlaku. Saya tak tahu negeri lain, tetapi ini bagi negeri Perlis. Memang benar ini adalah hak Kerajaan Negeri tetapi ada jangkitan dengan Kerajaan Pusat. Kalau tak selesai di Negeri, Pusat pun tak selesai

kerana benda ini Negeri dengan Pusat itu berjangkitan. Sebagai Kerajaan Negeri Perlis setahu saya telah mencari berbagai-bagai jalan, pegawainya tak cukup hendak menyelesaikan perkara ini.

Baru-baru ini macam mana saya katakan hari itu, di minta oleh Kerajaan Pusat supaya diserapkan atas nama perkhidmatan awam, diserapkan pegawai-pegawai di Perlis itu semuanya menjadi Pegawai Pusat walaupun ada golongan yang menentang, pihak Perlis sudah cuba membuat tetapi baru-baru ini cuma seorang pegawai dihantar.

Tuan Yang di-Pertua, kedua saya berharap sangat pangkat ketua pentadbir di Perlis itu khasnya Setiausaha Kerajaan kalau boleh diberi taraf yang agak tinggi sedikit, kalau tidak C pun D; tetapi hari ini bila dia hendak berjumpa dengan ketua-ketua pejabat, setengah pejabat tidak begitu dipandang istimewa. Kadang-kadang bila orang lain hendak pergi yang agak tinggi sedikit, yang bagus sedikit tidak boleh pergi ke Perlis kerana pegawai Kerajaan pun kalau tidak silap saya H atau G, begitulah. Jadi, orang lain hendak pergi tidak boleh hendak lebih kerana dia sebagai ketua pentadbir, amat pelik kalau kita tengok. Jadi, kalau tidak ada pegawai-pegawai yang baik maka payahlah kami hendak maju; negeri yang mundur, saya misalkan negeri Perlis tentang bantuan kepada Kerajaan Pusat setakat yang boleh di segi menjayakan Kerajaan dan sebagainya tidaklah Perlis pernah mengkhianat ataupun tidak memberi kerjasama. Tetapi keadaan Perlis sebagaimana saya katakan tadi kerana ekonominya tidaklah seperti negeri lain. Jadi walaupun pegawai-pegawainya tidak cukup ini membawakan pula kepada industri, membawa pembangunan tidak boleh berjalan kerana tiap-tiap satu rancangan macam mana saya katakan diawal ucapan saya tempoh hari hendak menjalankan satu-satu kerja bergantung kepada pegawai yang melaksanakan. Dasar Kerajaan yang baik sekalipun tidak dapat hendak berjalan kalau pegawai-pegawainya tidak cukup. Orang yang hendak melaksanakan mengikut peraturan ialah pegawai. Kalau tidak mengikut aturan berlaku pula macam saya katakan tadi odit sana odit sini. Kita pun kalau tidak senonoh harus Kerajaan kita akan kucar-kacir. Kedua-duanya itu sama mustahak kalau kita fikir.

Dengan sebab itulah saya merayu kepada Kerajaan beri keutamaan di segi industri apa yang dipandang patut, sudah dicuba dan dibuat oleh Perbadanan Negeri Perlis; baru-baru ini dalam soal jawab, sudah dikatuk setengah daripadanya. Jadi tidak tahulah saya apa yang hendak dibuat lagi. Bila setengah orang kata: kami di negeri Perlis tidak maju, Jadi saya berharap sangat kepada Kerajaan Pusat khasnya dalam kementerian Perdagangan dan perindustrian mengikhtiarkan satu-satu industri untuk menolong negeri Perlis dan diutamakanlah bahan-bahan mentah yang ada pada negeri itu sendiri dan kalau boleh berilah keistimewaan kepada apa yang diminta, selalu diminta, selalu dirayu kemudahan sebagaimana kemudahan pelabuhan, jalanraya dan sebagainya kerana ini salah satu daripada syarat yang hendak membawa kepada perniagaan. Kalau pelabuhannya tidak ada, kalau jalanrayanya tidak ada, inilah negeri baik hendak labur di manapun orang payah hendak pergi kerana kemudahan itu tidak ada. Jadi, saya harap sangat-sangatlah mengambil pertimbangan yang wajar kerana ini selalu diminta oleh pihak yang berkaitan dengan negeri Perlis walau di mana perjumpaan sekalipun.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap patutlah diadakan tempat-tempat menjadi tempat melancung sebagaimana hari ini patut diusahakan di negeri Perlis tempat yang bersesuaian agak ada dua tempat. Satu yang biasa ada di Sungai Berembang, Gunung Taji dan saya dapat tahu daripada kawan saya—ini saya tidak pernah pergi dan saya tidak bercakap bohong, katanya satu-satu tempat di negeri-negeri lain diperelok sebagaimana satu tempat di perenggan Malaysia dengan Thai—bukan Perlis dengan Thai, kalau datang daripada negeri luar kita kata perenggan Malaysia dengan Thai iaitu di utara Perlis; suatu tempat namanya Wang Kelian keadaan tempatnya amat cantik. Kalaulah pihak Kerajaan Pusat khasnya melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengadakan satu tempat pelancungan yang baik, saya ingat ini menjadi satu bahan untuk menarikkan sumber kewangan pergi ke Perlis kerana tempat-tempat yang bersejarah telah ada. Jadi, kalaulah ada usaha daripada Kerajaan

ini menambahkan kebaikan kepada rakyat negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat sedih pada hari ini kerana keadaan harga getah kita jatuh. Saya berharap kalau boleh Kerajaan mengikhtiarkan berbagai-bagai perkara supaya bahan-bahan selain daripada kita akan eksportkan getah, kalau boleh kita cuba membuat cara apa yang patut, moga-moga ini menghilangkan beban dan kalau bersesuaian pada kebun-kebun yang baru ditanam dengan kerjasama pihak Jabatan Pertanian supaya diberi tanaman yang agak bersesuaian sebelum getah itu dapat ditoreh. Ini saya berharap sangat-sangat.

Begitu juga saya berharap pada pihak Kerajaan, kita contohkan negeri Thai. Kita tidak kata negeri Thai itu bagus dari negeri kita tetapi saya tengok ada perkara yang dikira hak dia. Misalnya di segi tembakau. Biarlah dipandang oleh negeri lain lekeh tetapi dia tetap meminta tiap-tiap penghisap rokok mesti membeli rokok negeri Thai. Jadi negara kita pun Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tengok hari ini walaupun di segi pertanian lain kita sedih sedikit tetapi kalaulah boleh kita usahakan di segi tanaman tembakau ini dapat diberi kepada orang ramai cara berlebihan, kalau boleh kita kurangkan had import daripada luar negeri; kita mesti utamakan tembakau kita walaupun mutunya tidak begitu tinggi kerana mutu rokok ini yang mana rokok baikpun tetap bahaya, yang tidak baik pun bahaya sama, biarlah kita beri kesenangan kepada rakyat supaya had tembakau yang diimport itu dapat ditanam oleh rakyat negeri ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya juga di segi lalulintas ataupun pengangkutan. Saya tengok dalam gambar keretapi berjalan deras di negeri lain. Cantik dan deras dan saya ada pergi ke London walaupun sekali di sana banyak digunakan kenderaan seperti ini. Ini mengelakkan daripada kesesakan lalulintas agak saya. Saya tidaklah selalu pergi, ini pun disebabkan saya pergi melawat Menteri Besar saya sakit membawakan dengan kehendak Tuhan pergi ke London, saya perhatikan lebih kurang. Lalulintasnya tidak

begitu sebok seperti Malaysia tetapi saya ingat negerinya maju kerana orang menggunakan rel keretapi dan sebagainya. Jadi, saya berharap kalau boleh Kerajaan kita Malaysia menyesuaikan dengan keadaan, jangan biarkan kenderaan keretapi misalnya macam 25 tahun yang lepas sampai kita merdeka hari ini pun cara lama biarlah kita cari berbagai-bagai cara untuk menyesuaikan dengan keadaan.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, di lapangan terbang. Saya berasa bangga kerana lapangan terbang ini amat cantik dibuat dan dielakkan dari satu masa ke satu masa khasnya penumpang-penumpang haji boleh naik kapal terbang dan telah menjadi tabiat kepada masyarakat Islam menghantar setakat yang boleh walaupun dilarang oleh pihak yang berkenaan. Tetapi yang menyedihkan satu kebanyakan lapangan terbang tidak disiap, seperti kata pepatah Melayu dapat dibeli gajah sedangkan kuasanya yang kecil tidak boleh dibeli. Benda yang lain dapat dibuat besar sedangkan bilik airnya tidak cukup

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat banyak sangat menggunakan rangkaikata-rangkaikata yang berbunga-bunga dan sudah bercakap 109 minit. Saya beri peluang 5 minit lagi untuk menggulung ucapan Yang Berhormat.

Tuan Shaari bin Jusuh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana saya katakan tadi perkara-perkara lain dapat dijalankan oleh pihak Kementerian Pengangkutan misalnya lapangan terbang yang begitu besar dan sebagainya, saya merayu di sini supaya diadakan bilik air yang lengkap khasnya kepada tempat penerbangan ramai khasnya macam di Pulau Pinang atau di mana sahaja dan seboleh-bolehnya adakanlah tandas. Begitu juga kalau boleh oleh kerana negara kita telah menjadi negara Islam, agama Islam sebagai agama rasmi patutlah juga diadakan tempat-tempat bilik sembahyang yang berpatutan. Ini saya merayu sangat-sangat, bukanlah kata saya ini sembahyang tidak tinggal; ini kewajipan patut diadakan di tiap-tiap lapangan terbang khasnya tempat orang ramai macamana saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kalau boleh lapangan terbang ini patutlah diperbaiki misalnya di Alor Setar. Sudah banyak kali berlaku termasuk orang yang pergi hendak menunaikan fardhu haji bila hendak mendarat sepatutnya pukul 5.15, kalau tidak silap saya di Alor Setar tidak boleh mendarat kerana alat yang ada di lapangan Terbang Alor Star itu tidak boleh mendarat. Bila cuaca tidak baik tidak boleh, tetapi yang saya hairan di lapangan terbang lain boleh—di Kota Bharu boleh mendarat di Pulau Pinang boleh mendarat. Jadi saya berharap sangatlah kepada Kerajaan—saya tidak hendak minta di Perlis kerana saya tahu di Perlis itu memang tidak sesuai dengan lapangan terbang walaupun Alor Setar di negeri Kedah tetapi saya ingat macam sebahagian tempat orang Perlis menggunakannya dan sebahagiannya di tempat-tempat yang lain. Saya berharap sangat-sangatlah Kerajaan mencari jalan menyesuaikan supaya boleh mendarat macam mana boleh mendarat di lapangan terbang Pulau Pinang begitu juga ia boleh mendarat di lapangan terbang Kota Bharu dan sebagainya. Ini saya berharap sangat-sangat supaya apa yang berlaku dua, tiga kali ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di segi kesihatan saya berterima kasih kerana salah satu pengumuman yang telah dilakukan oleh Kementerian berkenaan yang mana tahun 1982 pakar pembedahan jantung akan diadakan di Malaysia sendiri. Sebagaimana selalu saya kata patut diadakan, sekarang ini sudah hendak diadakan; saya bersyukur kepada Allah, moga-moga dapatlah orang-orang yang berpenyakit jantung ini tidak payah mencari banyak wang dapat dibuat di tempatnya sendiri. Kalau kita boleh cari pakar penyakit jantung, dapat diadakan di Malaysia, saya berharap juga sekurang-kurangnya pakar di tempat-tempat lain misalnya di Perlis dan di mana tempat sahaja perlu kita ikhtiarkan dengan seberapa cepat.

Misalnya di Perlis pakar belah tak ada, pakar mata tidak ada dan alat X-Ray kalau yang lengkap tak boleh hendak diadakan di Perlis walaupun Perlis ada berlaku di Kedah macam saya katakan, lapangan terbang ada di Alor Star, orang Perlis tumpang sahaja.

Begitu juga hospital Besar di Perlis bukan sahaja untuk Perlis bahkan setahu saya setakat hari ini saya bersyukur kepada Tuhan kebanyakan Jajahan Kubang Pasu termasuk Jerlun Langkawi, kebanyakan penduduknya suka berubat di Hospital Besar Alor Star. Jadi patut sangat dibagi alat yang cukup dan mengadakan doktor pelatih macam mana ada di tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya buat kesimpulan, saya harap juga dari segi pelajaran saya dapat tahu ada satu perkara berkenaan dengan Maktab Perguruan biasa diura-urakan di Perlis tetapi sampai ke hari ini tak jadi, kalaulah ura-ura itu ditarik balik atas nama Kerajaan negeri Perlis, saya berharaplah sebagaimana Maktab Perguruan itu dirancangan hendaklah diadakan juga di Perlis. Dan yang kedua, saya berpendapat selalu saya tengok dalam keputusan murid-murid yang ada dalam asrama kelulusannya amatlah baik. Jadi kalau boleh asrama itu patutlah dibanyakkan di tiap-tiap tempat dan bergitu juga dewan di tiap-tiap sekolah, kalau boleh satu kawasan patut diadakan dewan besar sekolah khasnya sekolah-sekolah yang ada di luarbandar.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dalam negeri kita hendak baik, di luar negeri pun kita berharap akan dapat kebaikan, baik di segi perdagangan, begitu juga di segi pergaulan macam mana saya dengar baru-baru ini ada murid-murid kita setengahnya tak ingin hendak balik dan ada setengahnya yang balik kalau dia dakwah pun dakwah dengan menentang Kerajaan kita balik. Jadi saya berharap, satu dari segi perdagangan supaya menguatkan lagi penerangan-penerangan jangan kita berharap Menteri-menterilah kalau hendak membanyakkan perdagangan, Menteri sendiri terpaksa pergi menjelajah rata dunia, rata negeri untuk mencari pelabur asing datang ke sini. Jadi saya harap biarlah atase perdagangan kita bekerja dengan sungguh-sungguh mencari jalan apa yang patut kita tarik pelabur datang di sini dan apa pula barang-barang mentah yang dapat kita eksport ke negeri-negeri lain.

Begitu juga dari segi keagamaan. Ada setengah kita berasa sedih, kita hendak orang agama ini kuat tetapi setengahnya bila dia dakyah, dia lain daripada apa yang kita

kehendaki. Dengan sebab itu dari segi ini juga saya berharaplah Kerajaan kita menghantar orang-orang yang tertentu untuk menerangkan kepada pelajar-pelajar kita misalnya di London, Amerika, Australia yang banyak pelajar-pelajar kita itu supaya pelajar-pelajar kita faham dasar Kerajaan dan janganlah setengah itu bila mereka tertarik kepada agama sehingga semuanya haram tetapi apabila mereka tak tertarik semuanya mereka tak mahu langsung.

Jadi sebagai penyudahnya, satu sahaja saya harap kepada Kerajaan Pusat macam saya katakan Perlis kalaulah di masa-masa lepas diberi subsidi dan sebagainya, saya ulang sekali lagi, Perlis akan menghadapi satu masalah kerana tak boleh buat bendang disebabkan kekurangan air, kemarau panjang pada tahun ini. Kalau boleh pihak Pejabat Pertanian minta benci daripada awal lagi, jangan sudah suntuk masa baru hendak benci, kerana kita sudah tahu keadaan tanahnya semoga dapatlah diberi bantuan, kerana saya percaya Kerajaan hari ini akan memberi bantuan dan kemudahan sebolehnya kepada rakyat mengikut keadaan dan keadilan.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas.

5.35 *ptg.*

Datuk Harris bin Mohd. Salleh (Ulu Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan terutama sekali kepada Menteri Kewangan atas Belanjawan yang berani dan penuh pembaharuan itu yang telah dibentangkan di Dewan ini. Bertentangan dengan apa yang telah diramalkan oleh akhbar-akhbar ianya merupakan Belanjawan yang memberi banyak faedah dan tidak membebankan. Strategi-strategi Belanjawan yang realistik dan kritikal yang digariskan oleh Menteri Kewangan itu akan mengeratkan lagi pertumbuhan ekonomi, mengurangkan keadaan kemiskinan di samping menghadkan kadar inflasi di negara kita.

Saya percaya Belanjawan 1982 adalah petunjuk ke suatu pendirian baru dalam menghadapi kenyataan harian baik diperingkat kebangsaan ataupun diperingkat antarabangsa. Dan pada keseluruhannya akan memberi faedah kepada rakyat di semua peringkat. Saya berharap kesungguhan dan kesediaan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan insentif perkembangan ekonomi seperti skim intensif baru kepada pemilik-pemilik kapal Malaysia sebagai satu contoh yang akan terus mencerminkan dasar Belanjawan masa depan dan ianya akan berkembang dengan luasnya terutama dalam struktur pendapatan dan cukai. Pada keseluruhannya Belanjawan ini adalah selaras dengan aspirasi negara dan akan mengukuhkan lagi perpaduan rakyat, tetapi tidak ada Belanjawan walau bagaimanapun ianya dirangka dengan berhati-hati boleh memberi faedah sama rata kepada rakyat dan memuaskan semua kehendak-kehendak mereka.

Sungguhpun pada masa yang sudah-sudah banyak telah dicapai dalam pembangunan, lebih banyak lagi yang boleh diperolehi bagi membantu rakyat terutama di kawasan luar bandar di mana kebanyakan dari golongan miskin tinggal. Saya berpendapat terlalu banyak perhatian di masa-masa lalu telah dibuat terhadap pembangunan di kawasan-kawasan bandar.

Dari apa yang dapat saya lihat faedah dan langkah-langkah Belanjawan yang memberi kesan secara langsung dan segera kepada masyarakat luar bandar terutamanya mereka yang masih terkungkung oleh kemiskinan adalah masih sedikit. Kebanyakan dari faedah-faedah Belanjawan ini pengecualian cukai ke atas kamera, jam tangan, pen, pemetik api, pengurangan cukai ke atas lain-lain barang pengguna dan juga peruntukan subsidi yang lebih liberal tidak akan memberi makna yang besar kepada rakyat yang masih hidup dalam kemiskinan dan tidak mempunyai kemampuan wang untuk keselesaan makan dan pakai.

Saya berpendapat banyak lagi yang perlu dilakukan bagi meninggikan taraf hidup dan pendapatan mereka yang kurang bernasib baik. Bagi membolehkan mereka turut sama

menikmati hasil-hasil pembangunan, mereka sekurang-kurangnya berkemampuan memberikan kemudahan-kemudahan infra-struktur seperti pengangkutan jalan raya, air, elektrik dan juga lain-lain kemudahan sosial bila ianya dibawa masuk ke kampung-kampung mereka. Jika tidak kemudahan-kemudahan ini pasti akan memberi apa-apa faedah dan sebaliknya akan menambahkan beban mereka.

Saya bersetuju penuh bahawa masalah membasmi kemiskinan menerusi pemodenan kepada masyarakat tradisional kita adalah paling sukar, kerana mengubah cara hidup sesuatu jenerasi memerlukan suatu revolusi mental tetapi dengan keyakinan politik dan memujuk rakyat luar bandar yang miskin, meninggalkan amalan-amalan yang lama dan menyesuaikan kepada perubahan serta melibatkan diri dalam proses pembangunan, kita boleh membantu memperbaiki lagi taraf hidup mereka supaya mereka juga dapat menikmati hasil-hasil pembangunan.

Saya berpendapat kami di Sabah telah berjaya menembusi benteng tradisional ini dan menukar keadaan di kalangan setengah dari kumpulan-kumpulan masyarakat itu. Arus pembangunan ini akan terus bergerak dan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di Dewan yang mulia ini hasrat kami di Sabah adalah jujur dan bersungguh-sungguh dalam memupuk semangat perpaduan intergrasi kebangsaan (national intergration) dalam Malaysia sebagai syarat utama ke arah pembangunan keseluruhannya. Malahan kami cukup sedar tentang masalah-masalah fisikal dan lain-lain kesulitan yang menghalang kadar kemajuan dalam proses intergrasi memandangkan iaitu negeri Sabah adalah jauh dari Ibu Negara. Kami di Sabah amat berharap kedudukan kami yang terletak jauh dan terpencil dari Semenanjung Malaysia sama juga halnya dengan Sarawak, tidak diabaikan oleh Kuala Lumpur. Kita boleh mengenangkan kembali iaitu apabila Sabah merdeka dengan memasuki Persekutuan Malaysia dalam tahun 1963, salah satu dari faedah yang akan kami perolehi ialah sumbangan kewangan dari Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan, kemudahan infra-struktur,

sosial dan ekonomi yang telah diabaikan oleh Kerajaan penjajah. Adalah telah dipersetujui juga iaitu sumber-sumber kewangan dan lain-lain pendapatan akan dipindah dari negeri-negeri maju dan kaya di Semenanjung ke Sabah, sehinggalah tahap hidup pembangunan di Sabah setanding dengan tahap pembangunan di negeri-negeri lain di Malaysia. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini saya percaya kami telah memberi sumbangan yang lebih dari sepatutnya, dari segi kewangan dan lain-lain sumber untuk memajukan negeri Sabah dan seterusnya negara kita keseluruhannya.

Bagaimanapun saya dukacita kerana tidak menerima keyakinan yang serupa itu di kalangan setengah-setengah Jabatan Kerajaan Persekutuan sendiri. Sungguhpun Sabah telah berjaya memesatkan pertumbuhan sosio—ekonomi dan mewujudkan suasana pelaburan yang stabil dan sihat, terutamanya dalam tempoh 5 tahun ini, kami sebagai sebuah negeri yang telah merdeka 18 tahun dalam Malaysia masih lagi ketinggalan di belakang dalam pembangunan jika dibandingkan dengan lain-lain negeri di Semenanjung. Hakikat ini telah diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta lain-lain pemimpin Persekutuan. Di setengah bidang jurang antara kita telah dan semakin meluas. Inilah bukanlah disebabkan oleh tidak adanya sikap dedikasi atau kesungguhan di pihak Kerajaan BERJAYA untuk meninggikan taraf dan mutu kehidupan rakyat sama seperti dengan lain-lain negeri di Semenanjung. Pihak kami sebenarnya telah berusaha membangunkan negara walaupun kami menghadapi keadaan rumit di masa ini.

Saya percaya kami telah berusaha sedaya-upaya untuk memesatkan pembangunan mengatasi tempoh masa yang terbuang itu. Apa yang menghalang usaha-usaha ke arah memesatkan jurang antara kami dengan Semenanjung ialah sikap tidak ambil indah dan kurangnya kerjasama dari setengah-setengah Jabatan Kerajaan Persekutuan sendiri. Walaupun banyak kejayaan telah dicapai ke arah usaha kita terhadap integrasi nasional, saya percaya lebih banyak lagi dapat dibuat jika setengah pihak dalam

Kerajaan Persekutuan lebih simpatik dari melayani kehendak-kehendak Sabah dan Sarawak. Ada setengah-setengah Menteri Persekutuan yang seolah-oleh tidak berminat melawat Sabah sekerap yang patut kecuali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga yang Berhormat Menteri Kewangan yang selalu mengunjungi Sabah dan menunjukkan minat terhadap kemajuan dan pembangunan kami Dukacita sekali dalam beberapa tahun ini ada di antara Menteri-menteri Persekutuan yang tidak pernah langsung melawat ke Sabah. Ini mungkin kerana mereka tidak mengharapkan sumbangan kami untuk mendapat sokongan politik. Ada juga lawatan Menteri-menteri Persekutuan itu yang terlalu singkat dan jarang-jarang sekali. Inilah di antara puncapunca yang menjadi kami tertinggal ke belakang dari lain-lain negeri di Semenanjung. Dan hakikat ini diakui sendiri oleh pemimpin-pemimpin Persekutuan.

Pada khususnya kami di Sabah adalah masih jauh ketinggalan dalam kemudahan-kemudahan perubatan, pelajaran, perhubungan dan pengangkutan. Oleh sebab itulah kami akan terus berusaha untuk memastikan supaya masalah-masalah yang kami hadapi itu tidak dilupakan begitu sahaja oleh para Menteri-menteri tersebut. Sikap negatif yang ditunjukkan oleh setengah Menteri-menteri itu walau bagaimanapun tidak sama sekali akan mengecewakan hasrat kami yang tinggi untuk terus memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Malah saya sangat sukacita mendapati baru-baru ini nampaknya semakin banyak ucapan-ucapan dasar telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin Persekutuan yang menyentuh soal-soal integrasi nasional.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini hakikat bahawa dalam tempoh 5 tahun yang lalu Kerajaan Negeri Sabah telah membelanjakan wangnya sendiri terhadap projek-projek dan program-program pembangunan yang sepatutnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Ini adalah sebab kita ingin meningkatkan taraf hidup rakyat di Sabah supaya setanding dengan lain-lain negeri di Semenanjung. Bagaimanapun sehingga sekarang selepas 18

tahun merdeka Kerajaan Persekutuan masih belum mengambilalih setengah daripada tanggungjawab-tanggungjawabnya di negeri Sabah dan inilah yang merunsingkan kami. Demi kepentingan intergrasi nasional kami ingin melihat campurtangan yang lebih besar oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah, di samping memberi jumlah peruntukan yang lebih adil dari Persekutuan untuk pembangunan. Kami sebelum ini selalu menggesa Kerajaan Persekutuan supaya mengambil alih kegiatan-kegiatan pentadbiran dan pembangunan yang terletak di bawah bidang tanggungjawabnya. Antara lain sebabnya ialah bagi mengelakan pembaziran, duplikasi usaha pentadbiran dan pembangunan.

Saya sukacita menyatakan bahawa kami sudah pun mengambil inisiatif dalam perkara ini sekarang. Misalnya, Lembaga Padi dan Beras Negara akan menyempurnakan pengambilalihan fungsi-fungsi Lembaga Padi Sabah tidak lama lagi. Sejak dua tahun dahulu menerusi rundingan-rundingan kami telah menggesa Kerajaan Persekutuan supaya mengambilalih perkhidmatan Bomba Negeri dan akhirnya persetujuan telah dicapai untuk Kerajaan Persekutuan mengambilalih perkhidmatan itu pada bulan Januari, 1982.

Bekalan elektrik adalah juga tanggungjawab Persekutuan dan oleh yang demikian kami rasa bahawa adalah wajar bagi Lembaga Letrik Negara untuk mengambilalih Lembaga Letrik Sabah. Kerajaan Negeri juga mahukan penglibatan pihak Persekutuan dalam rancangan pembangunan tanahnya dan oleh sebab itu pada tahun 1978 kami telah meminta FELDA supaya mengembangkan kegiatannya ke Sabah. Kami telah menawarkan 200,000 ekar tanah yang didapati sesuai untuk menanam kelapa sawit dan lain-lain tanaman dengan tujuan untuk menempatkan rakyat yang tidak mempunyai tanah juga rakyat yang hanya memiliki kawasan kebun tanah yang tidak ekonomik. Baru-baru ini kami juga telah menawarkan lagi sejumlah 200,000 ekar tanah untuk dimajukan oleh FELDA untuk faedah pekebun-pekebun kecil. Ini lagi sekali membuktikan hasrat ikhlas kami ke arah integrasi nasional.

Di Sabah kami percaya bahawa objektif utama integrasi nasional ialah membangunkan sebuah negara yang kuat dan bersatu. Oleh itu, integrasi nasional ialah untuk kebaikan bagi semua pihak. Ia mestilah menghasilkan kebaikan dan bukannya kemerosotan dalam pentadbiran. Tetapi pengalaman kami sedih ialah kerana mutu Perkhidmatan Awam Jabatan-jabatan berkenaan di Sabah telah bertambah merosot setelah ianya diambil oleh Kuala Lumpur. Sewaktu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan mempunyai Cawangan di Sabah, prestasinya sudah tidak memuaskan tetapi sejak Cawangan itu diserah terus ke dalam Suruhanjaya Persekutuan keadaan telah menjadi lebih buruk lagi. Ada terdapat kekurangan minat dan perhatian oleh Suruhanjaya Persekutuan tersebut ke atas apa yang berlaku di Sabah.

Saya ingin dengan lebih khususnya di sini menarik perhatian ke atas kelewatan yang begitu lama dalam mengisi jawatan-jawatan kosong di dalam jabatan-jabatan penting Persekutuan di negeri Sabah. Bagaimanakah kita boleh tafsirkan keadaan ini selain dari adalah bukti tidak adanya rasa mendesak dan rasa tidak peduli tentang bagaimana Jabatan Persekutuan menjalankan kegiatan di Sabah. Tanpa pegawai-pegawai yang sesuai adalah mustahil bagi Jabatan-jabatan Persekutuan itu memenuhi tugas yang diberikan kepadanya pada tahap kecakapan yang diperlukan.

Dari angka-angka yang diperolehi mengenai keadaan pegawai-pegawai Persekutuan di Sabah sehingga 30hb Mac, 1981 satu gambaran yang menyedihkan adalah ternyata. Dalam Kumpulan A terdapat 270 kekosongan atau tidak kurang dari 43.76% dari jumlah keseluruhan jawatan untuk pegawai-pegawai dalam kategori ini. Dalam lain perkataan hampir separuh dari jawatan-jawatan kanan masih tidak diisi. Dalam Kumpulan B terdapat 303 atau 36.69% jawatan kosong dalam peringkat pertengahan. Kekosongan dalam Kumpulan C berjumlah 1,421 orang atau 28% dari jawatan yang ada dan dalam Kumpulan D dan IMG 1,204 orang atau 14.40%. Kesemuanya jumlah kekosongan jawatan dalam jabatan-jabatan Persekutuan hingga 30hb Mac, 1981 ialah 3,198.

Adalah tidak menasabah sekali untuk mengharapkan yang Jabatan-jabatan Persekutuan ini boleh bergerak dengan cekap dan berkesan bila kekurangan pegawai-pegawai mencapai ke peringkat tersebut terutama dalam peringkat atasan pentadbiran. Sungguhpun ada jaminan yang Kerajaan Persekutuan akan melancarkan Operasi Isi Penuh secara besar-besaran untuk mengisi kekosongan-kekosongan, saya tidak nampak sebarang langkah yang berkesan telah diambil setakat ini. Dalam tahun 1980 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sabah hanya bermesyuarat dua kali sahaja dan pada tahun ini sehingga bulan Oktober ia hanya bermesyuarat dua kali. Bagaimana Suruhanjaya tersebut boleh berharap akan mencapai kemajuan dalam mengisi jawatan-jawatan ini sekiranya ia jarang bermesyuarat?

Belia-belia di Sabah yang mempunyai kelayakan minima Sijil Pelajaran Malaysia dan sedang mencari Pekerjaan sudah tentu dapat memenuhi jawatan-jawatan rendah jika pihak suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan segera bangun untuk bertindak. Saya dengan jujurnya berharap Kerajaan Persekutuan akan memberi perhatian kepada soal penting ini dan mempercepatkan kadar pengambilan pegawai-pegawai atau pertukaran pegawai-pegawai terutama mereka yang berkelayakan dan berpengalaman di jabatan-jabatan Persekutuan supaya ianya tidak menghalang usaha-usaha Pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Dalam keadaan kritikal seperti ini saya rasa adalah mustahak bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan mengadakan mesyuarat tiap-tiap bulan demi kepentingan negeri Sabah dan negara seluruhnya. Sungguhpun terdapat kelemahan dalam jumlah pegawai-pegawai, jabatan-jabatan tersebut telah berusaha dengan sedaya upaya mereka untuk mengendalikan tambahan kerja dan mengekalkan tempo pembangunan.

Satu lagi contoh yang tidak menyenangkan ialah kelewatan dalam meluluskan pinjaman pembelian kenderaan bagi pegawai-pegawai Persekutuan yang bertugas di Sabah. Pada masa-masa sebelum ini iaitu ketika kuasa

diberikan kepada Pegawai Kewangan Persekutuan di Sabah, masalah begini tidak pernah timbul tetapi apabila kuasa tersebut ditarik balik oleh Perbendaharaan Persekutuan di Kuala Lumpur, kelulusan mendapatkan pinjaman tersebut mengambil masa hingga 6 bulan. Keadaan ini sudah tentu boleh mengecewa dan menjejaskan prestasi pegawai-pegawai tersebut dalam menjalankan tugas masing-masing. Saya berpendapat proses meluluskan pinjaman seperti itu adalah satu perkara yang biasa boleh dilakukan. Oleh itu saya tidak faham tentang kelewatan seperti ini.

Demikianlah juga dengan kelewatan oleh pihak yang berkuasa Persekutuan dalam mengeluarkan peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan. Ini juga turut menjejaskan kemajuan projek-projek pembangunan. Sekiranya birokrasi yang menjadi penghalang dalam usaha-usaha nasional kita, maka satu rombakan menyeluruh dalam Perkhidmatan Awam hendaklah dilakukan bagi memastikan ia lebih berkemampuan untuk memenuhi kehendak-kehendak negara yang semakin bertambah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi perkara yang membimbangkan kami. Sabah tidak mendapat sambutan yang menggalakan ke atas permohonan untuk memperolehi peruntukan yang lebih bagi Rancangan Malaysia Keempat untuk mengekalkan tempo pembangunannya sama seperti yang telah dialami di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dahulu. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Sabah memohon peruntukan pembangunan berjumlah \$8,000 juta tetapi hanya diberi sebanyak \$3,172 juta atau hanya 13.3% sahaja lebih tinggi dari jumlah peruntukan yang disemak semula di bawah Rancangan Malaysia Ketiga iaitu sebanyak \$2,798 juta. Adalah mendukacitakan banyak projek-projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan di awal tempoh Rancangan Malaysia Keempat telah terpaksa dibatalkan atau ditangguhkan dan ini adalah mengecewakan rakyat di Sabah.

Dipandang cara sepintas lalu ke atas peruntukan negeri-negeri dalam Rancangan Malaysia Keempat, Sabah ditunjukkan sebagai nombor dua selepas Selangor dari segi jumlah

pembahagian perbelanjaan pembangunan untuk seluruh negara. Tetapi jika dilihat dengan teliti terhadap perangkannya ternyata sekali yang Sabah menyumbangkan hampir-hampir 39% dari wangnya sendiri dalam jumlah peruntukan itu. Menurut buku Laporan Rancangan Malaysia Keempat hanya sebuah negeri lain sahaja dalam Persekutuan yang memberi sumbangan terhadap pembangunan dari tabung kewangannya sendiri Negeri itu ialah Trengganu yang menyumbangkan kira-kira \$150 juta untuk pembangunannya. Oleh itu sebenarnya dari pembahagian Perbelanjaan Persekutuan, Sabah berada di tempat kesembilan dan dari segi perbelanjaan Persekutuan mengikut bilangan penduduk, kedudukannya lebih rendah lagi iaitu nombor sebelas.

Amat menghairankan saya walaupun diakui yang Sabah masih jauh ketinggalan dari negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia dalam semua bidang pembangunan sosio-ekonomi kami telah diletakkan ditangga ke sembilan dalam peruntukan Kerajaan Persekutuan. Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya memperuntukkan pembahagian yang adil dari tabung Persekutuan untuk projek-projek Persekutuan bagi mempercepatkan tempoh pembangunan. Dalam lain perkataan apa yang dilakukan oleh Sabah secara persendirian seharusnya tidak dijadikan satu alasan untuk mengurangkan peruntukan dari Tabung Persekutuan kepada negeri Sabah. Seharusnya apa yang dilakukan oleh Sabah digalakan di semua negeri untuk menambah dan memperkukuhkan usaha-usaha pembangunan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh.

Dalam menyokong apa yang saya perkatakan ini bahawa keadaannya wujud tidak seimbang dengan meletakkan kami di tempat yang agak ke bawah dalam peruntukan Tabung Negara, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa faktor.

Pertama, saya telah diberi tahu bahawa jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan kepada sesebuah negeri adalah berdasarkan kepada peringkat optimal. Peruntukan ini berasaskan kepada beberapa perkara seperti

keluaran kasar (per capita) dalam negeri, sumber manusia dan sumber-sumber asli dan kadar pertumbuhan yang lalu. Selaras dengan kriteria ini Sabah memperoleh 9.9% dari jumlah peruntukan keseluruhannya tetapi ini bukanlah dari peruntukan Persekutuan sepenuhnya. Nilai Matlamat sepatutnya ialah \$3,120.92 juta sedangkan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah hanya \$1,845.63 juta sahaja. Sungguhpun peruntukan yang disebut berjumlah \$3,172.35 juta tetapi sebanyak \$1,326.72 juta adalah dari sumbangan Kerajaan Negeri Sabah Sendiri. Sepatutnya dalam memberikan pembahagian peruntukan untuk program-program pembangunan di Sabah sumbangan dari Kerajaan Negeri hendaklah tidak diambil kira sama seperti yang dilakukan kepada lain-lain negeri di Malaysia.

Menyentuh kepada faktor kedua, salah satu anggapan yang timbul ialah Sabah ialah sebuah dari negeri yang terkaya di Malaysia oleh sebab sumber-sumber hutannya. Sungguhpun dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga pendapatan Per capita di Sabah ialah \$2,198 dalam tahun 1978 itu yang kedua tertinggi selepas negeri Selangor. Anggaran terbaru dalam Rancangan Malaysia Keempat pula menempatkan pendapatan per cipta di Sabah sebanyak \$1,847.000 iaitu mengikut harga barang tahun 1970. Jikalau kita mengambil kira bahawa harga barang dan belanja perkhidmatan di Sabah adalah lebih kurang 30% lebih mahal dari di Semenanjung kita akan dapati bahawa penentuan terhadap pendapatan kasar Negeri Sabah adalah tidak tepat. Pada hakikatnya Sabah haruslah di sifatkan sebagai sebuah negeri yang berpendapatan rendah dan Kerajaan Persekutuan mestilah memberi peruntukan berlandaskan kepada hakikat itu.

Faktor ketiga yang ingin saya kemukakan untuk perhatian Dewan yang mulia ini ialah bahawa peruntukan ini menganggap kos pelaksanaan projek-projek adalah sama di Seluruh negara. Memang telah diketahui umum bahawa kos pembangunan di Sabah adalah lebih tinggi dari di Semenanjung Malaysia kerana beberapa sebab. Umpamanya kerana kos pengangkutan kapal

yang tinggi untuk membawa bahan-bahan pembinaan kerana sejumlah besar barang-barang tersebut diperolehi dari Semenanjung Malaysia dan seberang laut. Maka kami terpaksa membayar harga kira-kira 40% lebih daripada kos biasa untuk bahan-bahan binaan tersebut seperti simen dan keluli jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung. Sekiranya ditambahkan pada kos buruh yang tinggi dan keadaan muka bumi negeri Sabah maka kos pelaksanaan projek-projek di negeri Sabah menjadi lebih tinggi lagi. Saya percaya adalah wajar faktor-faktor kos yang berkaitan hendaklah diambil kira dalam menentukan peruntukan dari Tabung Persekutuan untuk Sabah dan juga Sarawak. Adalah adil peruntukan kepada Sabah ditambah antara 30—40% lagi untuk menjadikan setanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Oleh Yang demikian, jika ini diambil kira nyatalah sekali jumlah peruntukan di Sabah terutamanya dari Kerajaan Persekutuan adalah paling rendah sekali.

Akhir sekali, saya merayu untuk mendapatkan pertimbangan peruntukan kewangan Rancangan Malaysia Keempat bagi Sabah atas kesedaran tentang keperluan yang mendesak misalnya selepas 18 tahun berada dalam Malaysia Sabah masih lagi kekurangan jalan-jalanraya yang boleh menghubungi pusat penduduk utama di pantai timur dan di pantai barat dalam semua keadaan cuaca. Jalan-jalan utama di Sabah telah tidak diberi sebarang peruntukan langsung untuk meninggikan tarafnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Apa yang saya ingin kemukakan di sini ialah bahawa sistem pengangkutan kami di Sabah masih lagi tidak memuaskan begitu juga dengan dengan lain-lain kemudahan infrastruktur dan juga pelajaran, kesihatan dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain. Dalam menyokong tuntutan saya untuk mendapatkan tambahan peruntukan saya ingin merujuk keadaan kemiskinan yang begitu tinggi yang masih wujud di Sabah. Dalam tahun 1976 lebih daripada 50% dari keluarga di luar bandar berada di bawah garis kemiskinan berdasarkan kepada laporan

Rancangan Malaysia Keempat. Bagaimana pula Sabah dianggap sebagai negeri yang terkaya di negara kita sedangkan keadaannya adalah seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah masih perlu diadakan banyak pembangunan untuk meninggikan taraf hidup rakyat supaya ia setanding dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia. Saya bimbang cabaran yang dihadapi ini tidak dapat di atasi dan menjadi semakin sulit kecuali kita dapat mengekalkan tahap pembangunan sama seperti tercapai di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Supaya kita dapat memikul tanggungjawab ini bersama, saya sukacita menjemput pihak-pihak berkuasa Persekutuan untuk mengambil tanggungjawab lebih besar terhadap pembangunan di negeri Sabah. Sabah adalah tidak lagi diminta untuk membiayai kegiatan yang negeri-negeri lain dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sendiri. Saya suka melihat Kerajaan Persekutuan mengambil langkah yang lebih bererti melicinkan jentera pelaksanaan pembangunan di samping memperbaiki keadaan kekurangan pegawai-pegawai yang diperlukan di Jabatan-jabatan Persekutuan. Adakah juga perlu dikurangkan sebarang kelewatan dalam mengeluarkan wang Persekutuan yang telah diperuntukkan. Mempercepatkan proses dari persediaan (Project brief) hingga ke peringkat memberi tawaran dan seterusnya mengatasi kelemahan dalam perancangan, penyelarasan dan pengawasan projek di peringkat jabatan atau agensi. Saya menganggap sebarang langkah positif di semua bidang ini sebagai mempercepatkan lagi usaha integrasi nasional.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa kami di Sabah menyokong 100% usaha integrasi nasional kerana ianya tidak terpisah dari perpaduan nasional dalam usaha mewujudkan identiti Malaysia yang sebenarnya. Apa yang kita semua idamkan ialah kebaikan dan kesejahteraan negara dan rakyat kita pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.11 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1982 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Tengku Tan Sri Razalieg Hamzah pada hari Jumaat, 23hb Oktober, 1981 yang lalu.

Beberapa hari sebelum belanjawan tersebut dikemukakan di Dewan ini berbagai ramalan yang negatif telah dibuat oleh golongan-golongan tertentu kononnya belanjawan kali ini iaitu belanjawan 1982 akan melibatkan ramai orang. Berbagai jenis barang akan ditambah cukainya, kenaikan cukai bagi barangan itu kononnya perlu memandangkan keadaan inflasi yang masih berterusan dan pihak Kerajaan pula tidak mempunyai pilihan yang lain sebagai punca pendapatan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan yang kian bertambah.

Selain daripada menaikkan kadar cukai, itulah sahaja jalan yang terbuka kepada pihak Kerajaan. Ramalan-ramalan yang telah dibuat oleh Suratkhbar dan oleh kalangan yang tertentu itu telah menyebabkan ramai orang merasa susah hati, merasa bahawa selama ini pihak Kerajaan baru telah menyatakan bahawa mereka akan menolong, mereka akan cari jalan menolong meringankan beban yang ditanggung oleh pihak orang ramai terutama sekali kepada pihak-pihak yang berpendapatan rendah. Tetapi dengan ramalan-ramalan tersebut orang ramai berasa ragu-ragu atas ikrar, atas janji-janji yang telah dinyatakan.

Implikasi dari ramalan-ramalan tersebut yang disiarkan pula secara meluas oleh akhbar-akhbar tempatan maka didapati ada peniaga-peniaga yang selalunya mengambil kesempatan apabila tiba belanjawan pada tahun ini telah menyimpan banyak stok barangan yang disenaraikan dalam ramalan itu dan mereka ini menjangka bahawa dengan membeli atau menyimpan banyak stok-stok ini mereka akan membuat banyak keuntungan apabila belanjawan dibentangkan dalam Dewan nanti.

Dari spekulasi itu nampaknya ramai daripada mereka terperangkap. Pada saya sudah sepatutnya peniaga-peniaga yang mempunyai sifat yang tamak dan haloba ini menanggung kerugian pada tahun ini.

Ramalan-ramalan yang telah dibuat oleh apa yang dinamakan punca-punca yang boleh dipercayai itu bukan sahaja tidak betul bahkan meleset sama sekali. Barangan yang diramalkan akan ditambah cukainya itu bukan sahaja tidak ditambah sebaliknya dikurang dan ada pula yang terus dihapuskan sama sekali. Bagi saya meleset dan tidak betulnya ramalan ahli nujum ekonomi tentang belanjawan 1982 itu membuktikan bahawa langkah-langkah keselamatan dari segi menyimpan rahsia yang telah diambil oleh Kementerian Kewangan itu begitu rapi, ketat dan cekap.

Dalam hubungan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan-timbalannya dan kepada ke semua pegawai yang berkenan atas langkah-langkah yang mereka ambil itu. Sambil itu saya berharap bahawa langkah-langkah keselamatan dari segi menyimpan rahsia itu dapat dikekalkan taraf kecekapannya dan jika boleh ditingkatkan lagi pada tahun-tahun yang akan datang demi keselamatan negara dan kebahagiaan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan tahun 1982 telah mencerminkan hasrat yang sebenar lagi jujur Kerajaan Barisan Nasional hendak membendung inflasi sambil memperhebatkan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan.

Strategi belanjawan itu disusun begitu teliti dan rapi sehingga Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang selalunya menjadi jaguh pada setiap tahun, pada setiap belanjawan yang dikemukakan tetapi pada tahun ini semasa bercakap atas belanjawan beliau telah tidak dapat menjalankan tugasnya sebagai Ketua Pembangkang hendak menunjukkan kelemahan-kelemahan Kerajaan itu. Beliau sebaliknya terpaksa berfungsi sebagai back bencher pihak Kerajaan, dengan katanya belanjawan ini ringan dan melegakan; pihak DAP menyambut baik pengajian semula

dan pengurangan duti import, cukai tokok, dan cukai jualan ke atas barang-barang pengguna. Langkah sedemikian katanya lagi akan dapat menambah bekalan tempatan di samping menyekat kenaikan harga barang-barang utama keperluan pengguna.

Dengan pengakuan yang dibuat oleh pihak Pembangkang, oleh Ketua Pembangkang sendiri, maka ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia pada hari Jumaat yang lalu itu benar-benar belanjawan yang mencerminkan hasrat Kerajaan untuk membantu dan menolong mereka yang berpendapatan rendah.

Saya yakin pengakuan yang telah dibuat oleh Ketua Pembangkang itu tentang kejujuran Kerajaan Barisan Nasional hendak menolong rakyat miskin dalam strategi belanjawan tahun 1982 itu benar-benar satu pengakuan yang datang dari hati kecilnya sendiri dan bukan datang dari sentimen kepertiannya.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ketua Pembangkang itu sudah tidak ada modal lagi hendak menghentam Kerajaan. Dalam perbincangan belanjawan tahun hadapan, hendak mengaku sudah kehabisan modal berasa malu, maka dicarilah apa-apa juga isu walaupun isu itu lemah disifatkannya belanjawan tahun hadapan itu sebagai belanjawan pilihanraya yang digulakan dengan pengurangan cukai sebanyak \$160 juta ke atas barang-barang pengguna. Tidak ada modal lain yang hendak dicakap hanya boleh disebut atau boleh dituduh bahawa itu adalah belanjawan pilihanraya. Jadi hujah Ketua Pembangkang itu lemah sekali lagi mudah dipatahkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ingatan saya bukan kali ini sahaja pihak Kerajaan telah mengemukakan Belanjawan yang tidak membebaskan rakyat yang berpendapatan rendah, bahkan dengan tahun ini sudah tiga tahun berturut-turut Belanjawan serupa ini dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Pihak Pembangkang patut sedar bahawa taraf pelajaran rakyat sudah meningkat. Dan dengan adanya alat sebaran am yang lengkap lagi moden pihak Pembangkang atau manamana pihak pun tidak dapat lagi hendak

menutup atau menyembunyikan kenyataan dan kebenaran yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membuat berbagai pembangunan dan kebajikan untuk rakyat. Yang hanya pandai membuat sibuk dan pandai membuat seribu janji semasa menjelang pilihanraya itu ialah parti Pembangkang terutamanya DAP, bukan Barisan Nasional. Kerajaan terpaksa bertanggungjawab atas setiap perkataan yang dilafazkan dan atas setiap dasar-dasar yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat seluruhnya berasa lega dan lapang sesudah Belanjawan tahun hadapan diumumkan di Dewan yang mulia ini. Khabar-khabar angin yang bertiup kencang sebelum ini yang meramalkan bahawa kehidupan rakyat kita Malaysia pada tahun hadapan akan menghadapi kesusahan dan kesulitan itu sebenarnya sengaja diadadakan. Namun demikian, pihak Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan supaya maklumat-maklumat penting dalam ucapan Belanjawan itu dapat disebarkan seluas-luasnya kepada orang ramai terutama penduduk-penduduk di luar bandar, umpamanya, barangan yang telah dikurang atau dihapuskan cukai ke atasnya. Pihak Penguatkuasa pula perlu bertindak tegas kepada peniaga-peniaga yang masih lagi memampirkan harga-harga lama. Langkah-langkah ini sangat perlu, kerana berdasarkan amalan-amalan yang lampau. Jika Kerajaan menambahkan cukai atas satu-satu barang peniaga-peniaga dengan cepat kilat menaikkan harganya tetapi jika cukai-cukai barangan itu diturunkan atau dihapuskan samasekali ada-ada sahaja pihak peniaga ini dengan alasannya untuk melengahkan penurunan harganya. Dengan adanya langkah-langkah seperti yang saya cadangkan itu saya harap hasrat atau maklumat pihak Kerajaan untuk meringankan beban mereka yang berpendapatan rendah itu akan tercapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan yang kedua ialah memperhebatkan usaha membasmi kemiskinan, terutama sekali di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar kemiskinannya yang paling tinggi. Kalau kita semak buku Rancangan Malaysia

Keempat perenggan 140 dan 141 telah dicatatkan bahawa 75.5% dari isi rumah yang miskin di Semenanjung Malaysia ini adalah terdiri daripada orang-orang Melayu dan mereka ini rata-rata bekerja di sektor pertanian, perburuhan dan nelayan. Dan kalau kita ambil dari segi angkanya lebih kurang 500,000 orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia ini yang berpendapatannya paling rendah. Pihak Kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah \$2,020 juta untuk membantu sektor pertanian atau untuk dibelanjakan bagi projek-projek pertanian. Saya mengalu-alukan atas peruntukan yang agak banyak ini dan saya harap bahawa peruntukan ini dapat dibelanjakan sepenuhnya pada tahun ini. Tidak guna kalau peruntukan itu banyak beribu juta jumlahnya tetapi dapat kita belanjakan tidak sampai separuh daripada yang telah ditetapkan. Jadi ini berarti bahawa tujuan atau hasrat pihak Kerajaan ini tidak akan mencapai maksud yang telah ditetapkan.

Bercakap mengenai sektor pertanian ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh tentang tanaman padi. Sebagai yang kita maklum padi yang telah kita proses itu yang kita panggil beras adalah makanan utama penduduk negara kita. Dari maklumat yang kita dapati bahawa negara kita hanya mampu menghasilkan 85% sahaja dari keperluannya dan yang baki 15% lagi ini terpaksa kita import dari negara-negara lain. Soalnya sekarang, berapa lama atau selama manakah kita harus bergantung kepada negara-negara lain untuk membekalkan makanan iaitu makanan utama kepada kita sendiri. Kalau kita lihat keadaan dunia yang sedang bergolak sekarang terutama di benua Asia ini lebih-lebih lagi di negeri-negeri di mana negeri ini telah membekalkan makanan utama kita seperti Thailand, negeri-negeri ini sangat berhampiran dengan tempat-tempat yang sedang bergolak sekarang dan berbagai-bagai kemungkinan boleh berlaku pada bila-bila masa. Perang dingin yang sedang hebat berlaku ini memungkinkan perkara itu—barang dijauhkan Allah. Sekiranya berlaku peperangan maka bekalan makanan untuk negara kita ini tidak dapat kita import dan ini akan menyebabkan kita terpaksa mencari bahan-bahan makanan yang lain dan

barangkali boleh jadi terlambat pada masa itu.

Dalam hubungan ini kalau kita lihat tanah-tanah sawah di negara kita ini iaitu lebih kurang 400,000 ekar tanah-tanah sawah yang dinamakan tanah-tanah rang, tanah yang tidak dikerjakan. Tanah ini tidak dibuat sawah oleh kerana beberapa sebab. Yang pertama tidak mempunyai infrastruktur yang secukup dan yang keduanya tidak mempunyai buruh. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan belia dan beliawanis kita sekarang ini tidak berminat langsung hendak mengerjakan sawah atau hendak masuk dalam perusahaan sawah padi ini, kerana kehidupan zaman moden ini berkehendakkan wang sentiasa ada dalam saku. Kalau kita kaji penanam padi ini 4 bulan dari mula kita kerjakan hingga 4 bulan baharulah memperolehi hasil dan baharu kita boleh dapat wang daripada hasil pekerjaan kita itu dan ini tidak dapat memenuhi keperluan zaman sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak sebab-sebab lagi yang menghalang para belia kita ini daripada menceburkan dirinya ke dalam bidang pertanian khususnya dalam bidang sawah padi. Sebaliknya sawah padi seperti saya katakan tadi adalah punca makanan utama negara kita ini Jadi, saya berharap biarlah kita menyediakan payung sebelum hujan, jangan kita terperangkap bila hujan lebat datang baharu kita tergesa-gesa hendak mencari payung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lagi ucapan yang hendak disambungkan?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ya, panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung. Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 2hb November, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.